# PELITA BRUNEI
ڤليتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

70 TAHUN 1956-2026

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"KETAHUILAH dengan zikrullah itu hati akan menjadi tenteram".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ar Raad, ayat 28.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.47 | SUBUH 4.57 | SYURUK 6.15 | DUHA 6.38 | ZUHUR 12.23 | ASAR 3.33 | MAGHRIB 6.29 | ISYAK 7.40

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 71 BILANGAN 102 | 26 OGOS 2026 / 1448 ربيع الأول 13 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# KEBAWAH DYMM BERANGKAT MENGEPALAI PERARAKAN MAULUD NABI MUHAMMAD



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengepalai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di ibu negara. Berangkat sama ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit** ***(Lihat muka 3 hingga 5).***

# Pembaikan pengurusan zakat untuk kemaslahatan umum



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**

**BERAKAS**, Isnin, 24 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzahirkan kebimbangan terhadap kelemahan pengurusan zakat, termasuk isu urus tadbir kewangan dan pentadbiran, serta dakwaan salah laku yang menjurus kepada pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah perkara tersebut semasa berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

"Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana untuk sekian kalinya dapat pula mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan para pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan dana zakat.

"Kali ini beta sengaja mengundang Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab secara langsung mentadbir dan mengurus hal ehwal zakat, wakaf dan baitulmal di negara ini.

"Beta telah pun memperkenankan penubuhan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), sebagai satu jabatan penuh di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), dengan harapan JUZWAB akan lebih fokus kepada pengendalian dan pengurusan pemohon-pemohon zakat," titah baginda.

Baginda bertitah melahirkan rasa dukacita kerana masih menerima aduan berhubungan kepincangan pengurusan zakat.

"Beta sangat mengambil berat isu-isu yang disuarakan dalam surat-surat aduan dan laporan-laporan audit yang beta terima," titah baginda lagi.

**>> Muka 2**

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG PELITA BRUNEI | Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama




**MEMPERKUKUH keterjaminan makanan serantau melalui sistem agrimakanan produktif**

**Muka 13**



**PROJEK Rintis PKBN perkasa pembangunan belia**

**Muka 16**



**PEMBEDAHAN penggantian lutut berbantukan teknologi robotik berjaya dilaksanakan**

**Muka 20**



RENCANA

**NABI Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tokoh teragung sepanjang zaman**

**Muka 29**

فليتا بروني PELITA BRUNEI

# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

**BERAKAS**, Isnin, 24 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Mirza Fakhrul Islam Alamgir, berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Rakyat Bangladesh yang baharu.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Mirza Fakhrul Islam Alamgir.**





# Pembaikan pengurusan zakat untuk kemaslahatan umum

**>> Muka 1**

Menurut baginda, selaku ulil Amri, baginda telah pun berkali-kali menegur memperingatkan dan menyarankan bagi pembaikan dan peningkatan pengurusan zakat di negara ini yang wajibnya dilakukan untuk kemaslahatan umum pengagihan zakat.

"Tetapi malangnya semua nasihat, teguran, peringatan dan saranan beta kurang diambil perhatian umpama mencurah air ke daun keladi," tegas titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menyentuh isu urus tadbir kewangan dan pentadbiran zakat yang lemah yang mana sepatutnya sudah lebih awal ditangani oleh MUIB dan KHEU.

"Apa yang lebih mengejutkan, selain isu pengabaian urus tadbir, juga wujud ialah isu salah laku warga kerja JUZWAB yang menjurus kepada perbuatan jenayah iaitu pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa. Jika ini dibiarkan, tentu akibatnya akan lebih buruk.

"Wang kutipan fidyah didapati disimpan dalam laci pejabat tanpa resit dan penyata atau akaun bank serta buku resit zakat harta juga tidak kelihatan di pejabat secara fizikal. Buku resit zakat harta bernombor siri *duplicate* dan sebahagiannya dicetak di kedai komersial tanpa kawalan," titah baginda.

Dalam hubungan ini, baginda bertitah mempersoalkan mengapa perkara seperti ini boleh dibiarkan berlaku sekian lama.

Isu gagal mengawal kewangan juga menurut titah baginda, sangat ketara sehingga penyata-penyata akaun kumpulan wang zakat tidak teratur sejak tahun 2013 hingga 2020. Ini tegas baginda juga menunjukkan kegagalan dalam mengawasi hal ehwal zakat yang mungkin tidak ditunduki selama ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut mempersoalkan sama ada pihak MUIB dan KHEU mengetahui atau menyedari perkara ini, dan adakah perkara berkenaan dibawa ke dalam Mesyuarat MUIB.

## WAKTU SEMBAHYANG

| OGOS MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26 | RABU | 13 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.38 | 12.23 | 3.33 | 6.29 | 7.40 |
| 27 | KHAMIS | 14 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.38 | 12.23 | 3.33 | 6.29 | 7.39 |
| 28 | JUMAAT | 15 | 4.46 | 4.56 | 6.15 | 6.37 | 12.23 | 3.32 | 6.28 | 7.39 |
| 29 | SABTU | 16 | 4.46 | 4.56 | 6.15 | 6.37 | 12.22 | 3.31 | 6.28 | 7.38 |
| 30 | AHAD | 17 | 4.46 | 4.56 | 6.15 | 6.37 | 12.22 | 3.30 | 6.28 | 7.38 |
| 31 | ISNIN | 18 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.22 | 3.29 | 6.27 | 7.37 |
| 1 SEPTEMBER | SELASA | 19 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.21 | 3.28 | 6.27 | 7.37 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 34 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 34 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 34 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 34 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 26 OGOS 2026

# Kepentingan menjaga kesihatan semasa cuaca panas melampau

**NEGARA** Brunei Darussalam sedang mengalami keadaan cuaca panas. Menurut Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), dalam satu siaran akhbar yang dikeluarkan pada 22 Ogos 2026, negara kita telah melalui 14 hari cuaca panas melampau dari 8 hingga 21 Ogos 2026, dengan beberapa stesen mencatat suhu maksimum harian sekurang-kurangnya 35.0 darjah Celsius. Menurut siaran akhbar tersebut, bacaan tertinggi direkodkan di Labi pada 38.2 darjah Celsius pada 21 Ogos, diikuti Anggerek Desa pada 37.5 darjah Celsius dan Kuala Belait pada 36.7 darjah Celsius. Keadaan ini diramalkan berterusan sehingga akhir bulan, dengan suhu antara 33 darjah Celsius hingga 36 darjah Celsius dan aktiviti hujan yang minimum.

Dalam keadaan cuaca panas melampau adalah penting untuk kita mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi kesihatan. Tidak semua individu mempunyai keupayaan yang sama untuk menyesuaikan diri dengan cuaca panas. Golongan yang paling berisiko tinggi mengalami masalah kesihatan akibat cuaca panas termasuklah kanak-kanak kecil, warga emas, ibu mengandung dan ibu yang menyusukan anak damit serta individu yang mempunyai penyakit kronik, serta mereka yang bekerja di persekitaran panas atau melakukan aktiviti lasak di luar rumah.

Kepentingan menjaga kesihatan semasa cuaca panas melampau dapat direalisasikan melalui beberapa langkah mudah tetapi penting. Antaranya ialah untuk kekal terhidrat dengan pengambilan air kosong dengan kerap walaupun tidak berasa dahaga. Selain itu, adalah baik untuk mengelakkan minuman manis dan minuman yang mengandungi kafein yang boleh menyebabkan dehidrasi. Bagi mereka yang terbiasa melakukan aktiviti fizikal atau bersenam di luar, hadkan aktiviti terutamanya pada waktu puncak panas antara jam 11 pagi hingga 4 petang, dan jika terpaksa keluar, pakailah pakaian longgar berwarna cerah serta gunakan topi dan juga krim pelindung matahari.

Untuk para ibu bapa dan penjaga, jangan sesekali meninggalkan kanak-kanak, atau haiwan peliharaan di dalam kenderaan yang tertutup tanpa penghawa dingin. Ketahui tanda-tanda awal strok haba seperti suhu badan tinggi, pening, kurang berpeluh walaupun cuaca panas, dan kulit kering kemerahan, dan segera dapatkan rawatan jika mengalaminya.

Kepentingan menjaga kesihatan semasa cuaca panas melampau tidak boleh dipandang remeh. Dengan memahami risiko, mengenal pasti golongan yang mudah terkesan oleh cuaca panas, dan mengamalkan langkah pencegahan yang konsisten, kita dapat mengurangkan kesan buruk cuaca panas terhadap kesihatan. Sentiasa ikuti perkembangan terkini melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan di *www.moh.gov.bn* dan berita mengenai cuaca tempatan agar kita sentiasa peka dengan situasi cuaca terkini. **- Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Kebawah DYMM berangkat mengepalai perarakan Maulud Nabi Muhammad

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di ibu negara (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448 Hijrah 2026 Masihi semasa menyampaikan sembah alu-aluan. Sementara gambar bawah kanan sekali, bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 25 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi tadi berkenan berangkat mengepalai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di ibu negara, di sini.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

>> Muka 4









**ANTARA para tetamu yang hadir di acara tersebut (kanan dan kanan sekali). Manakala gambar bawah, majlis diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban.**



PELITA BRUNEI



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengepalai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan. Turut berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**

**>> Muka 3**

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448 Hijrah 2026 Masihi; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1448H 2026M; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi, Pengendali-pengendali Bersama dan Jawatankuasa Kerja Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448H 2026M.



**ANTARA yang hadir dan turut serta dalam perhimpunan dan perarakan tersebut (atas, bawah, bawah tengah dan bawah kanan).**

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Acara diteruskan dengan sembah alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang antara lain menyembahkan bahawa Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini selain untuk memperingati kelahiran Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, ia juga menjadi wadah memperbaharui kesedaran umat terhadap teras risalah Baginda, iaitu menegakkan tauhid, membimbing manusia kepada aqidah yang benar dan menyeru mereka supaya mengabdikan diri hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

"Pada tahun ini, tema 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Aqidah' dipilih, bagi mengajak kita untuk terus menghayati bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah suluh petunjuk yang membawa manusia keluar dari kegelapan kesesatan menuju cahaya hidayah Allah.

"Di Negara Brunei Darussalam, pendekatan dakwah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terus dijadikan panduan utama dalam pembinaan umat dan negara.

"Usaha dakwah bukan sahaja menyampaikan ajaran Islam, malah menerangi kefahaman, memperteguh aqidah dan membimbing masyarakat agar berpegang teguh kepada Al-Quran dan As-Sunnah menurut pegangan Ahli Sunnah Waljamaah," sembah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan bahawa selaras dengan visi Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu 'Memperkasa Perkhidmatan Ugama Yang Berkualiti dan Berinovatif',



**YANG Berhormat Ketua Hakim Syarie mengepalai bacaan selawat yang menandakan perarakan akan dimulakan.**

usaha memperkukuh pendidikan ugama dan dakwah digerakkan secara berterusan.

Program Keagamaan Senegara, terang Yang Berhormat lagi, melibatkan murid dan guru sekolah ugama dan Arab di seluruh negara melalui penghayatan Al-Quran, selawat, tahlil, zikir dan Hari-hari Kebesaran Islam. Pelaksanaannya akan terus diperkukuh dan dipantau agar tidak berakhir sebagai acara semata-mata, tetapi benar-benar membentuk kefahaman, amalan dan akhlak.

**>> Muka 5**











**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra pada perarakan berkenaan (atas kiri dan atas kanan).**

**>> Muka 4**

"Di samping itu, golongan belia terus dibimbing dan diberikan ruang untuk turut menggerakkan kegiatan masjid dan dakwah.

"Program - program seperti Masjid Tour, Mari Imarahkan Masjid dan 'Ilm Series merupakan antara wadah dakwah, pengimarahan masjid dan pembangunan belia yang membina generasi berilmu, berakhlak dan bersedia memikul amanah.

"Dalam masa yang sama, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan melalui Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, terus memperluas pemahaman masyarakat mengenai pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

"Kuliah bulanan dan nadwah dilaksanakan untuk warga Perkhidmatan Awam, institusi pendidikan, institusi masjid dan masyarakat umum. Ini termasuk melalui wadah ilmiah seperti Seminar Antarabangsa Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa (SAKAPES).

"Kesemua usaha ini adalah komitmen kementerian untuk terus memperkasa perkhidmatan ugama, membentuk kefahaman yang benar, aqidah yang teguh dan akhlak yang nyata dalam kehidupan, selaras dengan hasrat negara yang meletakkan Islam sebagai teras pembangunan," sembah Yang Berhormat.

Majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban dan bacaan Sayyidul Istighfar yang dibawakan oleh gabungan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri; serta Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei.

Sebaik sahaja sampai kepada 'Ya Habibi', tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Sebelum perarakan bermula, Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar mengepalai bacaan selawat yang menandakan perarakan akan dimulakan.

Pada tahun ini, seramai 5,435 orang peserta mengikuti perarakan, melibatkan 102 pasukan yang dibahagikan kepada lima kategori iaitu Pasukan Utama; Kategori Kementerian - Kementerian; Kategori Institusi Pengajian Tinggi / Maktab / Sekolah Arab / Sekolah Menengah Swasta; Kategori Kampung dan Masjid; dan Kategori Persatuan dan Sektor Swasta.

Perhimpunan dan Perarakan ini turut diadakan secara serentak di tiga daerah yang lain.

Bagi Daerah Belait ialah Padang Bandaran, Kuala Belait, manakala Daerah Tutong di Kawasan Lapang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, dan Daerah Temburong di Kawasan Letak Kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar.













**SEKITAR Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di Bandar Seri Begawan (atas kiri sekali, atas kiri, kiri sekali, kiri, bawah kiri dan bawah).**

PELITA BRUNEI

# AKIDAH KUKUH ASAS KEHARMONIAN, KEAMANAN, KEMAKMURAN NEGARA

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara pada tahun ini ialah 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Aqidah'.

Tema ini bertepatan dengan Baginda diutus sebagai pembawa rahmat kepada alam seluruhnya. Bagindalah suluh dunia dan suluh akidah. Sebelum Baginda diutus, semuanya gelap gelita, berada dalam kegelapan kufur dan kesesatan serta kejahilan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam Titah Perutusan sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, perkara ini telah dijelaskan sendiri oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, Ayat 1, "(Inilah) Kitab yang kami telah turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) supaya engkau mengeluarkan manusia daripada kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) dengan izin tuhan mereka ke jalan Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji".

Ayat tersebut, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, menegaskan bahawa antara misi terbesar kerasulan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah membimbing manusia kepada akidah yang sahih dan seterusnya membawa mereka menuju keselamatan di dunia serta kebahagiaan di akhirat.

Dalam kemajuan teknologi dan komunikasi digital, titah baginda, kita umat Islam kini tidak lepas daripada berhadapan dengan pelbagai cabaran memelihara akidah. Kemudahan mendapat sumber maklumat melalui media sosial dan platform digital telah membuka ruang kepada penyebaran pelbagai ajaran, tafsiran dan fahaman ugama.

"Maka amat membimbangkan kita, kerana kadang - kadang terdapat kandungan yang boleh mengelirukan, bahkan menyesatkan, sehingga berpotensi untuk menggugat akidah yang sahih, khasnya dalam kalangan para belia dan generasi muda, selaku pengguna utama platform digital.

"Oleh itu, beta ingin menasihatkan semua lapisan, terutama golongan belia, supaya sentiasa berhati-hati terhadap sebarang individu atau kumpulan yang membawa naratif ugama dalam pelbagai bentuk, sama ada ia dari dalam mahupun luar negara, yang memperalatkan ugama untuk menyebarkan fahaman menyimpang," titah baginda.

Di samping itu, baginda menyeru ibu bapa, guru-guru serta seluruh institusi pendidikan supaya memainkan peranan aktif dalam membimbing dan mengukuhkan akidah generasi muda, kerana pemeliharaan akidah bukan tanggungjawab satu pihak tetapi tanggungjawab semua.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, jadikanlah diri kita sentiasa berhati-hati dan tidak mudah menerima segala pendapat dari sumber digital yang tidak diketahui kesahihannya, melainkan perlu dirujuk kepada institusi ugama berautoriti.

Di antara contoh penyelewengan akidah, titah baginda, ialah bermudah-mudah mengamalkan ugama seperti mengharuskan sembahyang tanpa wuduk atau membenarkan sembahyang jamak dan qasar tanpa memenuhi syarat yang betul.

Baginda kemudian bertitah, terdapat juga golongan yang berfahaman menormalisasikan perkara-perkara yang ditegah atau bercanggah dengan ugama. Semua ini mesti ditolak, jangan sampai ia bertapak dalam masyarakat.

"Dengan mengelak fahaman-fahaman yang mengelirukan seperti ini, insyaaAllah, akidah kita aliran Ahli Sunnah Waljamaah akan terus terpelihara," titah baginda.

Dalam titah, baginda berharap, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini akan benar-benar jadi pemangkin kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk terus memperteguh akidah dengan mematuhi ajaran Al-Quran dan As-Sunnah serta menzahirkan kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui ibadat yang ikhlas.

Kebawah DYMM dalam titah menyeru supaya seluruh rakyat sentiasa waspada dan bijaksana dalam menilai setiap kandungan yang diperolehi daripada platform digital. Jangan sekali-kali mudah terpengaruh atau menyebarkan ajaran yang tidak jelas sumbernya. Semoga dengan itu, akidah umat akan selamat dan perpaduan akan terus kukuh dan mantap.

"Sesungguhnya akidah yang kukuh dan mantap adalah asas kepada keharmonian, keamanan dan kemakmuran sesebuah negara dan sekali gus menjadi benteng utama dalam memelihara kesejahteraan rakyat dan negara buat selama-lamanya," Kebawah DYMM mengakhiri Titah Perutusan.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.**

## Menyusun semula strategi dalam usaha memperkukuh pengurusan, pentadbiran zakat

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**

**BERAKAS**, Isnin, 24 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan pentingnya integriti dan memelihara amanah dalam kalangan pegawai dan kakitangan yang mengendalikan urusan zakat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

"Beta tahu ada isu moral dan etika kerja di kalangan pegawai dan kakitangan mengendali zakat," titah baginda.

Dalam titah, baginda menegaskan sudah mengingatkan kepada semua pihak, termasuk Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), supaya sentiasa berpegang kepada integriti dan memelihara amanah serta jangan ada amalan yang menyeleweng wujud dalam MUIB yang boleh mengganggu progress dan keputusan yang dibuat oleh MUIB.

"Namun beta masih perlu bertanya, apakah peringatan ini sudah didengar, atau ia didengar tetapi tidak diendahkan?" titah baginda.

Dalam hubungan itu, baginda bertitah mahu perubahan dan hasil perubahan itu dilaksanakan dalam kadar segera.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menitahkan supaya MUIB, KHEU dan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) menyusun semula strategi dengan mengambil kira perkara-perkara yang telah disentuh, khususnya dalam usaha memperkukuh pengurusan dan pentadbiran zakat.

Dalam memastikan amanah tersebut dilaksanakan untuk mencapai matlamat dan prestasi yang dihasratkan, baginda bertitah menegaskan untuk menggunakan jentera-jentera kerajaan yang sedia ada dan juga pihak swasta.

"Gunakanlah jentera-jentera kerajaan yang sedia ada dan juga pihak swasta dalam memastikan amanah ini dilaksanakan untuk mencapai matlamat dan prestasi yang dihasratkan," titah baginda.

Baginda bertitah mahu semua pihak yang bertanggungjawab menyediakan perancangan, pelan tindakan, sasaran yang jelas dan mekanisme pemantauan yang berkesan, yang dapat dilihat hasilnya dalam tempoh empat bulan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah memaklumkan bahawa selagi perkara-perkara berkenaan belum diselesaikan, baginda akan terus mengambil perhatian terhadap isu tersebut dan mengadakan perbincangan mengenainya pada bila-bila masa yang sesuai.

## Kebawah DYMM zahir kebimbangan terhadap keberkesanan PROPAZ

**BERAKAS**, Isnin, 24 Ogos. - Kegagalan inisiatif keusahawanan dalam Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) turut dizahirkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), pagi tadi.

"Juga membimbangkan ialah kegagalan inisiatif keusahawanan dalam program - program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ), hanya 244 asnaf sahaja yang berjaya mandiri setelah mengikuti program PROPAZ yang diperkenalkan sejak 17 tahun. Tetapi purata hanya 15 asnaf sahaja dalam setahun, sedang jumlah sebenar asnaf fakir miskin adalah lebih dari 14,000 orang," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Baginda mempersoalkan mengapa perkara sedemikian ini boleh berlaku dan adakah program-program di bawah PROPAZ dianggap tidak benar untuk diikuti oleh asnaf.

"Jika ada, mengapakah tidak diusahakan idea baharu untuk melancarkan PROPAZ ini. Jika benar ketandusan idea, mengapakah tidak bekerjasama dengan pihak-pihak lain?" tegas baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah mengingatkan bahawa kejayaan PROPAZ adalah diharapkan untuk serba sedikit dapat membantu kerajaan baginda mencapai matlamat utama Wawasan Brunei 2035.

Dalam pada itu, baginda juga bertitah menekankan bahawa pengurusan zakat bukan urusan pentadbiran biasa, tetapi ia adalah terikat sebagai amanah agama. Sehubungan itu, baginda bertitah mahu supaya pihak Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), mempunyai kemahiran dan kepakaran yang setanding dengan tanggungjawab yang dipikul.

Baginda bertitah lagi menyarankan agar pihak yang berkenaan sentiasa berusaha untuk menambah ilmu, selain bekerjasama dengan pihak-pihak yang mempunyai kompetensi.

Pada masa yang sama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berharap kemajuan teknologi dimanfaatkan sebaik mungkin sebagai mekanisme kawalan bagi menutup rapat sebarang ruang ketirisan dalam pengurusan hal ehwal zakat.

Baginda bertitah menegaskan tidak mahu lagi mendengar mengenai permohonan asnaf tertangguh sekian lama atau bantuan lambat sampai, sedangkan kaedah dan kemudahan untuk mempercepatkannya sudah sedia ada.

Baginda seterusnya bertitah supaya Petunjuk Prestasi Utama (KPI) diwujudkan untuk memastikan amanah dan semua nasihat yang telah diberikan dilaksanakan dengan sewajarnya.

Pada masa yang sama tambah titah baginda, MUIB dan KHEU mesti memainkan peranan utama dalam memata-matai sebarang ketirisan yang ada. "MUIB tidak boleh hanya sebagai pemerhati, tetapi mesti berada di barisan hadapan," titah baginda. Baginda menegaskan bahawa urusan pengurusan zakat tidak boleh diserahkan sepenuhnya di bawah pengendalian JUZWAB.

# BERKENAN MENGADAKAN KEBERANGKATAN TIDAK BERJADUAL KE KHEU



**Oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah, Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas**

**BERAKAS**, Isnin, 24 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memulakan Keberangkatan Tidak Berjadual dengan keberangkatan ke Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Darul Itqan, KHEU.

Menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, serta pegawai-pegawai kanan KHEU.

Acara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Semasa keberangkatan tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan melawat Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), KHEU. JUZWAB ditubuhkan dan dirasmikan pada 19 Julai 2023 setelah penggabungan dan penaiktarafan Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat (BAKAZ) dan Bahagian Waqaf dan Baitulmal, MUIB.

Antara peranan utama JUZWAB adalah memastikan pengurusan wang zakat, termasuk kutipan dan pengagihannya adalah dilaksanakan secara teratur dan efisien di samping memastikan pelaksanaan program-program dan inisiatif-inisiatif bagi memperkasa keupayaan asnaf zakat adalah secara terancang dan berkesan.

Selain itu, JUZWAB juga bertanggungjawab memastikan keberkesanan pengurusan dan inisiatif-inisiatif mengembangmajukan harta-harta wakaf dan baitulmal bagi menjaga kemaslahatan golongan-golongan sasaran serta meningkatkan memperkukuh fiskal negara.

Turut menarik perhatian baginda semasa keberangkatan tersebut ialah premis Kafe Pengupayaan Asnaf, yang merupakan pusat latihan praktikal dan pemasaran produk di bawah Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ), dikendalikan JUZWAB.

Penubuhan Pusat Kemahiran Asnaf merupakan salah satu pencapaian terkini PROPAZ dalam usaha memperkasa pengendalian program-program pengupayaan yang bersistematik dan komprehensif. Ia diwujudkan sebagai platform untuk asnaf fakir miskin dilatih dan dibimbing dalam bidang keusahawanan sehingga mereka berjaya membangun perniagaan sendiri masing-masing.

Pusat berkenaan, yang diubah suai dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh Bank Islam Brunei Darussalam, telah dirasmikan pada 31 Julai 2025 bersempena pelaksanaan Program Kemahiran Keusahawanan, sebuah program rintis dalam bidang penyediaan makanan dan minuman.

Pusat tersebut menyediakan latihan teori dan praktikal serta bimbingan mentor bagi membolehkan peserta memperoleh pengalaman mengendalikan perniagaan sebenar.

Dilengkapi dengan kafe, Kiub Pengupayaan Asnaf dan dapur komersial, pusat berkenaan memberi peluang kepada pelatih mempelajari pelbagai aspek pengurusan perniagaan, termasuk penyediaan dan penyajian makanan, pengurusan kewangan, kawalan stok, pemasaran serta kemahiran insaniah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis (atas, kiri dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melawat Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), KHEU (atas dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berswafoto (kanan sekali).



PELITA BRUNEI

# PESTA KONVO UTB KE-11 DIRASMIKAN






**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei berkenan berangkat ke Pesta Konvo Universiti Teknologi Brunei (UTB) Ke-11 2026 (kiri sekali dan kiri).**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**RIMBA**, Isnin, 24 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei, pagi tadi berkenan merasmikan Pesta Konvo Universiti Teknologi Brunei (UTB) Ke-11 2026 yang berlangsung di dewan serbaguna universiti berkenaan.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dialu - alukan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis UTB; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Timbalan Pengerusi Majlis UTB, serta Naib Canselor UTB, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis UTB, pegawai-pegawai kanan kerajaan, tetamu-tetamu jemputan, warga UTB, Ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta para pelajar UTB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Awang Murat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudian berkenan merasmikan Pesta Konvo UTB Ke-11 2026, yang diikuti dengan laungan takbir dan persembahan multimedia yang memaparkan pencapaian serta perjalanan UTB.

Acara kemudian diteruskan dengan persembahan kebudayaan oleh para pelajar UTB dengan mengetengahkan muzik tradisional, monolog teater, dan tarian tradisional UTB yang dipersembahkan oleh Performing Arts Group UTB serta persembahan kontemporari oleh Kelab Korea Hanwoori UTB.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menyaksikan pameran bertemakan 'Celebrating 40 Years of Talents and Innovations', yang memperingati perjalanan UTB selama empat dekad serta komitmennya dalam memupuk bakat, memajukan inovasi dan menghasilkan impak merentas pelbagai disiplin.

Sejurus itu, DYTM juga berkenan melancarkan perasmian stesen pengecasan Kenderaan Elektrik (EV) Pintar oleh Pusat Penyelidikan Pengangkutan (CfTR) UTB, yang merupakan satu lagi langkah penting dalam usaha universiti memperkasa mobiliti lestari.

Dengan berpandukan kepada stesen pengecas EV berkuasa Solar PV yang telah ditubuhkan pada Jun 2023, kemudahan baharu ini dibangunkan dengan kerjasama Han S.L. Sdn. Bhd.

Stesen berkenaan dilengkapi dengan dua titik pengecasan AC Tahap 2 berkapasiti 22 kW yang membolehkan dua buah kenderaan elektrik dicas secara serentak.

Stesen pengecas tersebut boleh digunakan oleh warga UTB, para pelajar dan orang ramai melalui aplikasi mudah alih EZ Charge, dan sebagai meraikan pelancarannya, perkhidmatan pengecasan EV akan ditawarkan secara percuma selama satu bulan.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen CfTR dalam menterjemahkan hasil penyelidikan dan inovasi kepada penyelesaian praktikal yang menyumbang kepada keutamaan kelestarian negara, termasuk Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, khususnya Strategi 3 mengenai Tenaga Boleh Diperbaharui dan Strategi 4 mengenai Kenderaan Elektrik, di samping menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM berkenan menerima pesambah dari MPP UTB yang bertemakan 'Lestari Ilmu, Gemilang Negara', yang melambangkan aspirasi para pelajar UTB untuk menyumbangkan ilmu pengetahuan dan bakat mereka kepada pembangunan negara.

DYTM juga berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli MPP UTB bagi sesi 2026 / 2027.

Pelbagai acara telah disusun sepanjang Pesta Konvo UTB Ke-11, antaranya Majlis Khatam Al-Quran; Sukan Fiesta Ke-8; UT-Bersamamu 3.0; UTB Carnival 2026; UTBerjaya 2026; UTB Deenovation; Drive the Change: Innovation and Sustainability; UTB Healing Day; Mental Health Week; dan International Culture Day.

Pesta Konvo tahunan ini meraikan kejayaan para pelajar UTB yang telah menamatkan pengajian, di samping menjadi wadah untuk mengetengahkan bakat, kreativiti, penyelidikan dan inovasi mereka.

Majlis Konvokesyen UTB Ke-14 akan berlangsung pada 26 Ogos 2026 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di mana para graduan UTB akan menerima ijazah masing-masing.




**SEKITAR keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ke Pesta Konvo UTB Ke-11 2026 yang berlangsung di dewan serbaguna universiti berkenaan (atas, kanan dan bawah).**







**BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Awang Murat (atas kanan). Manakala gambar kanan, persembahan kebudayaan oleh para pelajar UTB.**



# PAMERAN TERAPKAN ILMU PENGETAHUAN, KREATIVITI, PENYELIDIKAN






**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan berangkat bagi menyaksikan Pameran Bertemakan Meraikan 40 Tahun Keupayaan dan Inovasi (Celebrating 40 Years of Talents and Innovations) di Dewan Serbaguna, UTB (atas kiri dan bawah kiri). Manakala gambar atas kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan dijunjung bergambar ramai.**

**Oleh : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TUNGKU LINK**, Isnin, 24 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan menyaksikan Pameran Bertemakan Meraikan 40 Tahun Keupayaan dan Inovasi (Celebrating 40 Years of Talents and Innovations) sejurus merasmikan Pesta Konvo UTB Ke-11, 2026 bertempat di Dewan Serbaguna, UTB, pagi tadi.

Sebanyak enam projek hasil karya para graduan yang mewakili pelbagai bidang pengajian serta memperlihatkan penerapan ilmu pengetahuan, kreativiti, penyelidikan dan inovasi.

Di ruang pameran, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mula-mula dijunjung menyaksikan petak pameran yang mengetengahkan sebuah projek penyelidikan bertajuk 'The Mediating Effects of Technology Use on the Relationships Between Interactions, Collaboration, Motivation and Self-Directed Learning in Higher Education in Brunei Darussalam' yang dihasilkan oleh Dayang Hartiny binti Dr. Haji Azmi iaitu salah seorang bakal graduan Ijazah Doktor Falsafah dalam Komunikasi, Sekolah Komunikasi Gunaan.

Dalam projek penyelidikan berkenaan antaranya bertujuan untuk mengupas satu persoalan penting mengenai sistem pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu bagaimana teknologi dapat mengubah interaksi, kolaborasi, dan motivasi pelajar secara berkesan menjadi pembelajaran kendiri.

Oleh itu, dalam kajian ini, satu tinjauan telah dijalankan melibatkan 336 pelajar prasiswazah dari UTB dan Universiti Brunei Darussalam (UBD). Hasil kajian menunjukkan satu pola yang jelas iaitu interaksi, kolaborasi, dan motivasi tidak mengukuhkan pembelajaran kendiri secara langsung; sebaliknya, sumbangan faktor-faktor ini menjadi signifikan melalui penglibatan pelajar dalam penggunaan teknologi.

Dapatan ini membuktikan bahawa teknologi tidak seharusnya dianggap sekadar sebagai infrastruktur sedia ada, malah perlu dilihat sebagai pemangkin keupayaan pelajar. Oleh itu, memperkukuh keupayaan ini akan membantu individu bersedia untuk menyumbang secara berterusan kepada masa depan NBD.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyaksikan petak pameran yang menyerlahkan sebuah projek penyelidikan bertajuk 'Valorisation of Amaranthus viridis as a Multi-Functional Food Ingredient: Optimisation of Protein Isolation, Functionality and Evaluation of its Bioactive Hydrolysates' yang dihasilkan oleh Dayang Nur Yasmeen Syukrina binti Mohammed Yussof iaitu bakal graduan Ijazah Sarjana Sains (Secara Penyelidikan) dalam Sains dan Teknologi Makanan di bawah Sekolah Sains Gunaan dan Matematik, UTB.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung menyaksikan petak pameran yang menampilkan sebuah projek penyelidikan secara berkumpulan berjudul Tambhumi yang diterajui oleh empat bakal graduan dalam Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) dalam Ekonomi Gunaan dan Kewangan di bawah Sekolah Perniagaan UTB yang terdiri daripada Dayang Nur Sabrinatasya binti Juraimi, Pinkka Tiara Maharani, Dayang Nurul Nazirah binti Rasiman dan Awang Mohammad Fashli bin Idris.

Seterusnya, DYTM dijunjung menyaksikan petak pameran yang menampilkan projek penyelidikan yang lain iaitu 'Healthy Worlds: A 3D Exergame for Promoting Physical Activity in Children for the Health Promotion Centre (HPC)' yang diketengahkan oleh Dayang Annie Dhameerah binti Haji Anuar iaitu salah seorang bakal graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Media Digital Pengkhususan dalam Pembangunan Permainan (*Game Development*) di bawah Sekolah Pengkomputeran dan Informatik.

Kemudian, DYTM dijunjung menyaksikan petak pameran dua projek penyelidikan terakhir iaitu projek penyelidikan berjudul 'Design and Development of Community-Based Nutrition Education Materials on Salt Reduction and Weight Management' oleh Dayang Nurul Syahirah binti Mohammad Shah iaitu bakal pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Sains Makanan dan Nutrisi Manusia di bawah Sekolah Sains Gunaan dan Matematik dan projek penyelidikan bertajuk 'Marine-Inspired Eveningwear: Exploring the Indonesian Sea Nettle and Oceanic Aesthetics' yang diterajui oleh Vanessa Pang Wan Ting iaitu seorang bakal graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Reka Bentuk dan Teknologi Fesyen di bawah Sekolah Reka Bentuk.

Menariknya, pameran pada tahun ini memperingati perjalanan UTB selama empat dekad serta komitmennya dalam memupuk bakat, memajukan inovasi dan menghasilkan impak merentas pelbagai disiplin.

Di samping itu, ia juga mencerminkan peranan UTB dalam menyediakan para graduan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang diperlukan untuk memberikan sumbangan bermakna ke arah masa depan yang lestari, berdaya usaha dan berhubung secara global.







**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat bagi Majlis Santap Tengahari (kanan).**



**DULI Yang Teramat Mulia berkenan dijunjung berswafoto pada acara berkenaan (kanan sekali).**

# Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

## Daerah Temburong

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TEMBURONG**, Selasa, 25 Ogos. - Lebih 1,215 orang terdiri daripada para penghulu mukim, ketua-ketua kampung, jemputan-jemputan khas, ahli jawatankuasa kerja, takmir dan jemaah masjid serta pasukan-pasukan perarakan menyertai Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Temburong Bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan bertempat di kawasan letak kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Mukim Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar; dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pelajar Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) Tahun 2, Sekolah Ugama Senukoh, Daerah Temburong, Awang Mohd. Rizq Syauqi bin Abdullah.

Majlis diteruskan dengan Tazkirah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi, diikuti dengan persembahan Dikir Marhaban dan bacaan Sayyidul Istighfar yang dibawakan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Piasau-Piasau Daerah Temburong.

Bacaan Doa Selamat dan laungan Selawat sebanyak tiga kali dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Majlis kemudian diteruskan dengan perarakan sejauh 1.6 kilometer mengelilingi Pekan Bangar yang didahului oleh tetamu kehormat majlis dan ahli-ahli jawatankuasa sambutan, diikuti pasukan-pasukan lain yang mengambil bahagian.

Di samping bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta meningkatkan kecintaan terhadap Baginda, majlis sambutan berkenaan juga dianjurkan bagi memeriahkan suasana dengan perarakan yang penuh berkat, bertujuan untuk memakmurkan jalan-jalan di sekitar kawasan dan menghidupkan syiar Islam.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan mengetuai perarakan sejauh 1.6 kilometer mengelilingi Pekan Bangar.

Perarakan berkenaan juga menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim antara umat Islam, dengan para peserta daripada seluruh lapisan masyarakat, jemaah masjid, dan penduduk kampung di Daerah Temburong.

Majlis yang penuh kerahmatan berkenaan diharap dapat memperoleh syafaat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada Hari Kiamat kelak selain menjadi wadah memperkukuh ukhuwah Islamiah dalam kalangan masyarakat setempat.

## Daerah Belait

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**KUALA BELAIT**, Selasa, 25 Ogos. - Bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menanam kecintaan dan penghormatan terhadap Baginda melalui penghayatan sunnah dan nilai-nilai murni yang dibawa di samping memupuk semangat perpaduan ummah melalui penyertaan aktif institusi kerajaan, swasta, institusi pendidikan, masjid, kampung dan persatuan, pagi tadi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara dianjurkan dengan penuh takzim melalui perhimpunan dan perarakan yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat seluruh negara.

Di daerah ini, seramai 2,383 orang peserta, melibatkan 35 pasukan mengikuti Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait Tahun 1448 Hijrah 2026 Masihi yang diadakan di Padang Bandaran, Jalan Sultan, di sini.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu khas di Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait Tahun 1448 Hijrah 2026 Masihi.

Pasukan yang menyertai terdiri daripada Ahli Jawatankuasa, pasukan-pasukan beruniform, jabatan - jabatan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, sekolah-sekolah menengah dan Arab, masjid, surau, balai ibadat, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta persatuan-persatuan di Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu khas ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Mohammed Yunos.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan, Seria, Awang Mohammad Fakhri bin Haji Ibrahim.

Tazkirah khas berkenaan tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini iaitu 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Aqidah', disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

Majlis kemudian diteruskan dengan Persembahan Dikir Marhaban daripada Belia Masjid Daerah Belait.

Bacaan Doa Selamat dan diikuti laungan Selawat sebanyak tiga kali dipimpin oleh Awang Mohammad Fakhri bin Haji Ibrahim.

Perarakan sejauh 1.2 kilometer mengelilingi Pekan Belait didahului oleh pasukan yang diketuai oleh tetamu khas dan ahli-ahli jawatankuasa sambutan, diikuti pasukan-pasukan lain yang mengambil bahagian. Iringan persembahan Tausyeh daripada Belia-belia Masjid Daerah Belait turut memeriahkan majlis.

Majlis ini diadakan sebagai wadah untuk menyampaikan mesej dakwah dan pengajaran Islam secara berkesan kepada generasi muda agar mereka terus menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh

## Daerah Tutong



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu khas majlis berkenaan bagi Daerah Tutong (atas). Manakala gambar kanan, sebahagian daripada orang yang hadir menyertai acara tersebut.

**TUTONG**, Selasa, 25 Ogos. - Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong diadakan di kawasan lapang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan tazkirah yang disampaikan oleh Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang dari Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Selepas itu, diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban beramai-ramai dari Bahagian Pengajian Islam yang diketuai oleh Awang Sirajul Aidil bin Haji Mohd. Yusof.

Manakala bacaan Sayiddul Istighfar dan Doa Selamat diketuai oleh Imam Tingkat III, Awang Mohd. Azim Shah bin Abdul Rahman.

Kemudian laungan selawat diketuai oleh Imam Tingkat III, Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel Kiudang, Awang Abdul Raqib bin Haji Awang.

Seterusnya perarakan bermula dengan didahului oleh tetamu khas majlis bersama Ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Peringkat Daerah Tutong dan diiringi dengan selawat oleh Kumpulan Dikir sejauh 1.4

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

kilometer.

Perarakan berakhir dan berkumpul semula di kawasan lapang berhadapan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Para peserta yang menyertai Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong adalah sebanyak 36 pasukan.

Peserta terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa seramai 100 ahli, pasukan beruniform seramai 1,478 orang, manakala daripada jabatan-jabatan kerajaan seramai 320 orang, sekolah-sekolah seramai 125 orang, masjid-masjid Daerah Tutong seramai 1,399 orang dan persatuan-persatuan dan sektor swasta seramai 115 orang dengan jumlah keseluruhan peserta seramai 3,537 orang.



# Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

## Daerah Temburong

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**ISTERI Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir selaku tetamu khas majlis di Majlis Perhimpunan Khas Wanita bagi Daerah Temburong.**

**TEMBURONG**, Selasa, 25 Ogos. - Dalam sama-sama memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum wanita di Daerah Temburong turut tidak ketinggalan menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan Majlis Perhimpunan Khas Wanita di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis, isteri Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Datin Dayang Hajah Binanun binti Haji Bungsu.

Acara didahului dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Sekolah Arab Temburong, Dayang Hajah Khamsiah binti Haji Mohd. Said.

Antara pengisian utama majlis ialah Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Norhayati binti Haji Abdul Rahman, bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Akidah', selaras dengan tema sambutan pada tahun ini.

Dalam ceramahnya, Dayang Norhayati menjelaskan bahawa 12 Rabiulawal merupakan tarikh yang amat bermakna bagi umat Islam dalam memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Menurutnya lagi, pengutusan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah sebagai pembimbing dan penyuluh umat manusia, membimbing umat keluar daripada kegelapan dan kesesatan kepada keimanan.

Sehubungan itu, beliau menekankan bahawa Sambutan Maulud Nabi bukan sekadar untuk memperingati Hari Keputeraan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, tetapi lebih penting untuk menghayati ajaran, sunnah dan pedoman yang Baginda sampaikan sebagai panduan dalam menjalani kehidupan.

Dayang Norhayati seterusnya menjelaskan bahawa akidah merupakan sesuatu yang terikat dan tertanam dalam hati berupa kepercayaan serta keyakinan terhadap perkara-perkara asas dalam agama, sekali gus menjadi asas utama dalam kehidupan setiap Muslim.

Menurutnya lagi, akidah bukan sekadar sesuatu yang dilafazkan, bahkan perlu diterjemahkan melalui keyakinan dan perbuatan seharian. Sebagai contoh, keyakinan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala Maha Melihat akan mendorong seseorang supaya sentiasa berhati-hati dalam setiap tindak-tanduknya.

Beliau turut menjelaskan bahawa akidah turut mempengaruhi cara seseorang berfikir dan membuat keputusan kerana setiap tindakan sentiasa disedari berada dalam pengetahuan dan pengawasan Allah Subhanahu Wata'ala.

Tambahnya lagi, dengan akidah dan keimanan yang mantap, seseorang akan terdorong untuk melaksanakan ibadah dengan penuh keikhlasan, membentuk akhlak yang baik serta membina hubungan yang harmoni dalam kehidupan bermasyarakat.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan bahawa tanpa akidah yang kukuh, seseorang mudah terjerumus ke dalam kesesatan dan kejahilan. Justeru, akidah perlu sentiasa dipelihara dan diperkukuh walau di mana jua berada.

Ceramah turut menyentuh mengenai kedudukan dan peranan wanita yang telah diangkat oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada kedudukan yang dipandang rendah pada zaman jahiliah kepada kedudukan yang mulia dalam kehidupan bermasyarakat.

Menurutnya lagi, wanita pada masa kini juga berdepan dengan pelbagai cabaran dalam mempertahankan akidah. Jika pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, cabaran mempertahankan akidah lebih banyak melibatkan penderitaan secara fizikal seperti dipukul, diikat dan diseksa, cabaran pada zaman moden pula lebih bersifat halus dan boleh melalaikan.

Sebagai kesimpulan, beliau menekankan tiga perkara utama, iaitu akidah merupakan amanah dan tanggungjawab yang perlu dipelihara oleh setiap wanita dalam apa jua keadaan; yang mana kesusahan, kesulitan dan persekitaran bukanlah alasan untuk meninggalkan agama; serta akidah yang kukuh mampu menjadikan seseorang tetap teguh walaupun berdepan dengan pelbagai tekanan dan cabaran kehidupan.

Acara juga diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban dan Tausyeh yang dibawakan oleh Kumpulan Dhafwatul 'Aisy, Beliawanis Daerah Temburong.

Majlis antara lain bertujuan bagi menyemarakkan lagi Hari Kebesaran Islam di negara ini, di samping mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan kaum wanita di negara ini amnya dan kaum wanita Daerah Temburong khususnya.

## Daerah Belait

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**KUALA BELAIT**, Selasa, 25 Ogos. - Bagi sama-sama memperingati hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum hawa di Daerah Belait turut tidak ketinggalan bagi sama-sama memeriahkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1448 Hijrah 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan Kuala Belait, di sini.



Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut ialah isteri Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Datin Dayang Zubaidah binti Haji Mahmud.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dan kemudian diikuti dengan ceramah bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Suluh Aqidah' yang disampaikan oleh Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang dari Pusat Da'wah Islamiah.

Acara kemudian diteruskan dengan persembahan Tausyeh berjudul 'Man Ana' daripada pelajar IBTE Kampus Jefri Bolkiah, Kuala Belait, dan sejurus itu disusuli dengan persembahan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis ini diharap dapat menyemai semangat keagamaan yang lebih mendalam dalam kehidupan seharian wanita, sekali gus menjadi sumber inspirasi kepada generasi muda.



**ISTERI Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut (atas). Sementara gambar bawah kiri, persembahan daripada pelajar IBTE Kampus Jefri Bolkiah, Kuala Belait.**

Ia juga berperanan sebagai platform untuk menzahirkan teladan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada golongan wanita muda agar mereka membesar dengan nilai-nilai murni yang luhur.

Di samping itu, majlis ini turut memartabatkan kedudukan wanita Islam dengan menyerlahkan bahawa wanita bukan sekadar pelengkap masyarakat, malah merupakan pemimpin dan pendidik yang berwibawa serta berperanan penting dalam membentuk generasi masa depan.

## Daerah Tutong

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



**ISTERI Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan hadir selaku tetamu khas majlis pada Majlis Perhimpunan Khas Wanita berkenaan di Dewan Ma'had Islam Brunei, Tutong.**

**TUTONG,** Selasa, 25 Ogos. - Sempena menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong, Majlis Perhimpunan Khas Wanita turut diadakan di Dewan Ma'had Islam Brunei, di sini bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hadir selaku tetamu khas majlis, isteri Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Datin Dayang Hajah Mahayon binti Haji Mohd. Taha.

Ceramah Khas yang bertajuk 'Muslimah Bersuluhkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' telah disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Md. Yusoff.

Antara inti pati ceramah berkenaan ialah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan utama bagi seorang Muslimah dalam menjalani kehidupan.

Ceramah berkenaan turut diberikan penekanan kepada usaha membina diri sebagai wanita solehah dalam pelbagai peranan sebagai anak, isteri, ibu dan individu dengan meneladani ajaran serta akhlak Baginda.

Turut disentuh ialah nilai kesabaran, ketaatan dan usaha di dunia sebagai bekalan menuju akhirat, dengan harapan dapat berhimpun bersama keluarga di syurga dan termasuk dalam kalangan yang wajahnya berseri-seri di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala nanti.

Majlis juga diisikan dengan persembahan Dikir Marhaban beramai-ramai daripada Gabungan Muslimah Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan Muslimah Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang.

Para jemputan pula terdiri daripada Muslimah-muslimah Masjid Daerah Tutong, ketua-ketua jabatan, isteri penghulu dan ketua-ketua kampung dan guru-guru ugama Daerah Tutong.

# MAJLIS PENUTUP DIKIR ISTANA NURUL IMAN SEMPENA MAULUD NABI MUHAMMAD

**Oleh : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hasif Matzin**





**MAJLIS Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berkenaan disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (kiri). Sementara gambar atas, sekitar majlis tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 25 Ogos. - Bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Penutup Dikir Maulud yang menandakan berakhirnya acara Dikir Maulud yang berlangsung selama 12 malam berturut-turut di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara telah diadakan pada malam tadi yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman, di sini.

Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berkenaan telah disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid sebelum diteruskan dengan Dikir Syarafil Anam, iaitu Dikir Assalamualaika, Khairuman, Bisyahrin, Alhamdulillah dan Badat yang dibawakan oleh Yang Dimuliakan Begawan-Begawan Pehin Khatib dan Yang Mulia Begawan-begawan Mudim.

Majlis Berdikir diteruskan dengan Dikir Marhaban dan apabila sampai kepada bacaan 'Ya Habibi', sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan oleh Pasukan Tembak Meriam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Sementara itu, Doa Dikir dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon, manakala Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Juga berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat; Timbalan - timbalan Menteri; Pengiran - pengiran Peranakan; Pehin-pehin Manteri; Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pendalaman; Setiausaha-setiausaha Tetap; Pemerintah ABDB dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei Yang Bersara; Naib-naib Canselor Universiti-universiti Brunei Darussalam; sebahagian Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para jemputan khas.



**SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Penutup Dikir Maulud yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.**

# JPM adakan Majlis Penutup Dikir



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Urustadbir Perkhidmatan Awam); Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang); dan Yang Berhormat Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran) hadir di Majlis Penutup Dikir berkenaan.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**





**ANTARA kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang hadir di majlis tersebut (atas kanan dan kiri).**

**BERAKAS**, Isnin, 24 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya lewat petang tadi mengadakan Majlis Penutup Dikir sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks JPM, di sini.

Hadir ialah Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; dan Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti bacaan wirid, doa dan Surah Al-Fatihah.

Ia kemudian disusuli dengan Dikir Assalamualaika dan Dikir Syarafil Anam daripada kumpulan pendikir Al-Alzam Kumpulan Tausyeh.

Acara diteruskan dengan Dikir Marhaban, diikuti dengan bacaan doa selepas dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Bagi mengakhiri majlis, Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah serta doa diadakan menandakan majlis ditutup.

Majlis pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Pejabat Wawasan Brunei, JPM selaku Pengerusi Majlis dengan dikendalikan bersama oleh Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Kehakiman Negara.

# MEMPERKUKUH KETERJAMINAN MAKANAN SERANTAU MELALUI SISTEM AGRIMAKANAN PRODUKTIF

**HANGZHOU, REPUBLIK RAKYAT CHINA**, Selasa, 25 Ogos. - Menteri - menteri yang bertanggungjawab terhadap keterjaminan makanan di seluruh rantau Asia-Pasifik telah berhimpun pada hari ini di Hangzhou, Wilayah Zhejiang, Republik Rakyat China bagi menghadiri 11th APEC Food Security Ministerial Meeting.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Zhang Zhu, serta dihadiri oleh delegasi daripada ekonomi anggota APEC dan wakil daripada Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC), ASEAN, Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan disertai oleh Setiausaha Tetap (Penyelarasan Dasar Ekonomi) di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim, serta pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KEPI.

Di bawah tema 2026, iaitu 'Membina Komuniti Asia-Pasifik Untuk Makmur Bersama' (*Building an Asia-Pacific Community to Prosper Together*), mesyuarat berkenaan menggariskan komitmen bersama serantau untuk memperkukuh keterjaminan makanan dengan memajukan sistem agrimakanan yang produktif, mampan, berdaya tahan dan inovatif, di samping memanfaatkan teknologi moden serta memperkukuh kerjasama serantau.

Mesyuarat turut memberi tumpuan kepada memanfaatkan sains pertanian, inovasi teknologi dan transformasi digital sebagai pemacu utama dalam menangani cabaran keterjaminan makanan, meningkatkan pembangunan pertanian dan luar bandar, serta meletakkan asas yang lebih kukuh ke arah kemakmuran bersama.

Dalam mesyuarat berkenaan, NBD telah mengesahkan semula komitmennya untuk memperkukuh keterjaminan makanan serantau melalui sistem agrimakanan yang produktif, mampan, berdaya tahan dan inovatif.

Sehubungan itu, Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri mengetengahkan tiga keutamaan utama, iaitu memperkukuh kapasiti pengeluaran makanan melalui inovasi pertanian dan teknologi pintar iklim; memudah cara perdagangan makanan melalui pengeluaran bernilai tambah, penambahbaikan logistik rantaian sejuk dan kerjasama serantau; serta menghidupkan semula komuniti luar bandar dengan menggalakkan kesalinghubungan digital, agropelancongan, pembangunan tanah dan penyertaan golongan belia yang lebih aktif dalam pertanian moden.

Yang Berhormat turut menekankan bahawa teknologi dan inovasi amat penting dalam meningkatkan keterjaminan makanan, khususnya bagi ekonomi kecil yang mempunyai kawasan tanah pertanian yang terhad.




**YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri ketika sesi bergambar ramai pada 11th APEC Food Security Ministerial Meeting di Hangzhou, Wilayah Zhejiang, Republik Rakyat China.**

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri**

Tambah Yang Berhormat, antara inisiatif utama termasuk penggunaan Kecerdasan Buatan (AI), automasi, dron, Internet Kebendaan (Internet of Things - IoT) dan teknologi berkuasa solar dalam pertanian pintar serta akuakultur, di samping penyelidikan mengenai padi hibrid dengan kerjasama rakan kongsi antarabangsa.

Seterusnya Yang berhormat mengongsikan NBD kekal komited untuk membangunkan keupayaan teknologi dalam negara, memperkukuh perkongsian serantau serta menterjemahkan kerjasama APEC kepada penyelesaian praktikal ke arah mewujudkan sistem agrimakanan yang berdaya tahan, regeneratif dan mampan.

Pada akhir mesyuarat menteri berkenaan, para menteri daripada ekonomi anggota APEC telah menerima pakai Prinsip-prinsip bagi Memperkukuh Daya Tahan Sistem Makanan di Rantau APEC melalui Inovasi dan Pendigitalan, serta mengeluarkan Kenyataan Bersama pada 11th APEC Food Security Ministerial Meeting.



# MINDA PEMBACA

## Ekopelancongan: Memelihara alam, menjana ekonomi

**KEINDAHAN** alam merupakan ciptaan Tuhan bagaikan permata yang bersinar, mampu memukau hati setiap insan yang menikmatinya. Ekopelancongan ialah aktiviti pelancongan berasaskan alam semula jadi yang menekankan pemeliharaan alam sekitar serta memberikan manfaat kepada masyarakat. Selain menikmati keindahan alam, kegiatan ini mampu meningkatkan kesedaran menjaga alam, membuka peluang pekerjaan dan menjana pendapatan. Oleh itu, ekopelancongan penting untuk memelihara alam dan menjana ekonomi.

Antara kepentingan ekopelancongan ialah memelihara alam sekitar. Kawasan hutan sungai dan pantai dapat dilindungi daripada pencemaran dan kemusnahan. Pelancong juga dididik supaya tidak membuang sampah atau merosakkan flora dan fauna. Bak kata pepatah, *"Melentur buluh biarlah dari rebungnya"*, kesedaran menjaga alam perlu dipupuk sejak kecil. Kesannya, keindahan alam dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.

Selain itu, ekopelancongan dapat menjana ekonomi masyarakat setempat. Kedatangan pelancong mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan seperti pemandu pelancong, pengusaha tempat tinggal, penjual makanan dan kraftangan. Bak kata pepatah, *"Sambil menyelam minum air"*, masyarakat dapat memperoleh pendapatan sambil memanfaatkan keindahan alam secara bertanggungjawab. Secara tidak langsung, taraf hidup penduduk dapat ditingkatkan.

Seterusnya, ekopelancongan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kedatangan pelancong meningkatkan perbelanjaan dalam sektor pengangkutan, penginapan dan makanan. Keadaan ini dapat meningkatkan pendapatan negara serta memperkenalkan keindahan alam dan budaya tempatan. Oleh itu, kerjasama *"bagai aur dengan tebing"* antara kerajaan, masyarakat dan pengusaha pelancongan amat penting bagi memastikan sektor ini berkembang secara kekal.

Kesimpulannya, ekopelancongan memberikan manfaat kepada alam sekitar, masyarakat dan juga negara. Semua pihak hendaklah bekerjasama menjaganya secara bertanggungjawab agar keindahan alam terus terpelihara dan ekonomi terus berkembang. Sesungguhnya, alam yang terpelihara merupakan khazanah untuk generasi masa akan datang.

**Nama : Nurin Dina Syazwana binti Azry**
**No. K/P : 01-164XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Memperkasa Komuniti Melalui Perniagaan Berimpak Sosial'.** Tarikh Tutup **: 26 Ogos 2026**
2. **'Membentuk Peribadi Mulia Berpandukan Sunnah Rasulullah'.** Tarikh Tutup **: 2 September 2026**
3. **'Kesan Pengangguran Terhadap Ekonomi dan Masyarakat'.** Tarikh Tutup **: 9 September 2026**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# KHEU SEMARAKKAN MAJLIS PENUTUP DIKIR MAULUD NABI

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok.**

**KIARONG**, Isnin, 24 Ogos. - Selain untuk memeriahkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Dikir Syarafil Anam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara adalah bagi mendapatkan keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, serta memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Sehubungan itu, bersempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara mengadakan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut mulai 1 Rabiulawal 1448 Hijrah yang lalu.

Berikutan itu, Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 Malam Berturut-turut diadakan malam tadi di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad; pengarah - pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU serta jemaah masjid berkenaan.

Majlis pada malam tersebut dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.



**TAZKIRAH disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.**

Acara juga diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang, yang antara lain mengongsikan mengenai fadilat berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu memperoleh rahmat dan pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala, mendapat kebaikan serta diampunkan dosa.

Menurut beliau lagi, tiga perkara yang dapat menzahirkan kecintaan kita terhadap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah dengan menghidupkan sunnah-sunnah Baginda, meneladani dan menjadikan Baginda sebagai ikon dalam kehidupan serta memperbanyakkan selawat kepada Baginda.

Sejurus itu acara dikir dimulakan dengan Dikir Assalamualaika yang dibawakan oleh warga Jabatan Pengajian Islam, KHEU diikuti dengan Dikir Khairuman oleh Kumpulan Dikir Pewaris Dikir Brunei.

Kumpulan Dikir Kampung Belimbing / Kampung Subok pula membawakan Dikir Bisyahrin, seterusnya Dikir Al-Hamdu dibawakan oleh Kumpulan Dikir Mantan Pegawai Kastam dan Eksais Diraja.

Manakala Dikir Badat dibawakan oleh Pasukan Dikir Persatuan PERANGKAP dan Dikir Asyraqal dibawakan oleh Pegawai Masjid Jame' 'Asr; Hassanil Bolkiah dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU.

Doa Dikir dibacakan oleh Pegawai Masjid, Jame' Asr' Hassanil Bolkiah, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Othman.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Masjid, Jame' Asr' Hassanil Bolkiah, Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Majlis seumpama ini diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampung.

# Laungan Dikir Maulud terus imarahkan masjid

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman**





**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, juga selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan). Sementara gambar atas, sebahagian yang hadir di majlis tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis Madang mengadakan Majlis Penutup Dikir Maulud 12 Malam Berturut-turut sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis berkenaan merupakan kemuncak pengimarahan masjid melalui amalan Dikir Maulud yang diadakan selama 12 malam berturut-turut sebagai tanda kecintaan dan penghormatan umat Islam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos juga selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta para pengarah jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, para penasihat dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD serta para jemaah masjid.

Majlis turut diserikan dengan persembahan dan alunan dikir daripada tiga kumpulan, iaitu Kumpulan Pendikir Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kumpulan Pendikir Al-Mukmin dan Kumpulan Pendikir Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

Majlis dimulakan dengan Bacaan Doa Dikir yang dipimpin oleh Awang Razman bin Haji Ramlee.

Sementara itu, Doa Khas untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerabat diraja, negara dan rakyat Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Dikir Maulud yang diadakan selama 12 malam berturut - turut mencerminkan komitmen Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD dalam menyemarakkan pengimarahan masjid serta membudayakan amalan keagamaan dalam kalangan masyarakat.

Selain menjadi wadah memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, program berkenaan turut memberikan ruang kepada para jemaah untuk memperbanyakkan selawat dan zikir, di samping menghayati sirah serta akhlak mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD berharap pengisian sepanjang Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam akan terus menyemai dan memperkukuhkan rasa kasih serta kecintaan umat Islam kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping meningkatkan penglibatan masyarakat dalam mengimarahkan masjid.

Majlis diakhiri dengan doa dan selawat sebagai tanda kesyukuran atas kelancaran pelaksanaan Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut.

# CINTA RASULULLAH TERUS DISEMAI MELALUI DIKIR, PENGHAYATAN SUNNAH

**Berita : Nurdiyanah Rajami**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Keindahan alunan selawat dan puji-pujian ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus bergema menerusi Majlis Bercorak Keagamaan sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah 2026 Masihi bagi malam ke-12 diteruskan malam ini di Surau Istana Nurul Iman, bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap KKBS, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi Haji Wahsalfelah; dan Timbalan Setiausaha Tetap, KKBS, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid.

Sejurus selesai menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Sayyidul Istighfar serta bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Setelah itu, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhamad Abdul Haziq bin Hanafi dalam tazkirahnya yang bertajuk 'Menyemai Cinta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Tiga Kunci Keberkatan Hidup' antara lain menerangkan mengenai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak sekadar mengajar kita meminta ilmu. Baginda mengajar kita meminta ilmu yang bermanfaat.

Jelasnya, ini kerana tidak semua ilmu semestinya membawa seseorang dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ilmu yang bermanfaat ialah ilmu yang membuatkan kita lebih mengenal Allah Subhanahu Wata'ala, lebih takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala, lebih merendahkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan akhirnya mendorong kita untuk beramal.

"Perkara kedua yang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam minta ialah rezeki yang baik. Perhatikan, Baginda tidak meminta 'Ya Allah, berikan aku rezeki yang banyak' tetapi Baginda meminta 'Berikan aku rezeki yang baik'. Ini sangat penting kerana rezeki bukan sekadar tentang berapa banyak yang kita dapat, tetapi dari mana ia datang dan ke mana ia membawa kita," tambahnya.

Awang Muhamad Abdul Haziq turut menjelaskan bahawa perkara ketiga yang diminta oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah amalan yang diterima. Ini mungkin bahagian yang paling membuatkan kita berfikir. Sebab kadang-kadang kita berasa, 'Aku sudah banyak beramal", tetapi persoalannya bukan semata-mata berapa banyak amalan kita. Persoalannya, adakah amalan kita diterima oleh Allah? Maknanya, jangan kita hanya mengejar banyaknya amalan. Kita perlu mengejar keikhlasan dan memastikan amalan kita dilakukan dengan cara yang benar.

Dalam pada itu, tazkirah turut menekankan apabila membaca kita doa, jangan sekadar membaca. namun kita perlu memikirkan tiga perkara iaitu "Ya Allah, berikan aku ilmu yang bermanfaat", supaya apa yang kita belajar mengubah diri kita; "Ya Allah, berikan aku rezeki yang baik",supaya apa yang kita makan, apa yang kita gunakan dan apa yang kita berikan kepada keluarga kita datang dari sumber yang halal; dan "Ya Allah, terimalah amalanku", kerana kita tidak tahu apakah amalan kita benar-benar diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Bercorak Keagamaan sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam 1448 Hijrah 2026 Masihi bagi malam ke-12.**

Seramai 85 peserta dari KKBS mempersembahkan Dikir Assalamualaika dan Asyrakal yang dialunkan dengan penuh semangat dan rasa kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Turut mengambil bahagian ialah seramai 60 peserta yang terdiri daripada ahli Majlis Belia Brunei; Ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) Lumapas; Ahli MPM Zon 1 Kampong Ayer dan MPM Zon 2 Kampong Ayer yang mempersembahkan Dikir Khairuman.

Selain itu, seramai 30 orang Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid dan Kumpulan Belia Masjid (KBM) Kampung Lumapas mendendangkan Dikir Bisyahrin, manakala Bahagian Sekolah Ugama (Brunei IV), Jabatan Pengajian Islam (JPI) dengan penyertaan 50 peserta mempersembahkan Dikir Alhamdu dan Badat.

Sementara di ruang lain bagi jemputan perempuan pula juga diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, KHEU, Dayangku Nabilah Busyra binti Pengiran Abdul Razak yang antara lain menerangkan, kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar dilafazkan, tetapi perlu disemai dengan mengenali sirah Baginda, melafazkan selawat, memuji Baginda serta mengamalkan ajaran dan sunnah Baginda dalam kehidupan seharian.

Dalam tazkirah tersebut, beliau turut menekankan dengan berakhirnya 12 malam alunan Dikir Maulud di masjid-masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bukan bererti berakhirnya kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Walaupun Rabiulawal berlalu, ajaran dan sunnah Baginda hendaklah terus diamalkan dalam kehidupan seharian.

Dayangku Nabilah Busyra turut sama-sama mengingatkan kepada seluruh umat Islam agar terus bermuhasabah bahawa cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar dilafazkan, tetapi perlu diterjemahkan melalui amal, agar cinta yang disemai terus tumbuh dan memberi kesan dalam kehidupan.

Majlis turut disemarakkan dengan persembahan Dikir Assalamualaika dan Dikir Asyrakal daripada pegawai dan kakitangan wanita KKBS. Dikir Khairuman dipersembahkan oleh ahli-ahli wanita dari Persatuan WARGAMAS, MPM Lumapas, MPM Zon 1 Kampong Ayer dan MPM Zon 2 Kampong Ayer. Manakala Dikir Bisyahrin dipersembahkan oleh Muslimah Masjid dan KBM Masjid Kampung Limau Manis. Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat pula dipersembahkan oleh warga dari Bahagian Sekolah Ugama (Brunei IV), JPI.

Majlis disudahi dengan bacaan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam sebagai tanda kesyukuran serta memohon keberkatan untuk negara dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bulan Rabiulawal mencatatkan sejarah dan peristiwa yang sangat penting serta bermakna bagi umat Islam di seluruh dunia kerana pada bulan ini lahirnya semulia-mulia insan, seagung-agung manusia yang memiliki darjat yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala iaitu Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda merupakan nabi terakhir dan tidak ada nabi selepas Baginda di mana kelahiran Baginda telah membawa sinar dan rahmat kepada seluruh alam.

Oleh itu, Majlis Dikir 12 Malam Berturut-Turut merupakan tradisi tahunan yang sentiasa dinanti-nantikan oleh masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam sebagai wadah memperkukuhkan kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menghayati perjuangan, akhlak serta sunnah Baginda dalam kehidupan seharian.

# Semarakkan Maulidur Rasul, perkukuhkan ukhuwah, kecintaan kepada Rasulullah



**YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan yang diadakan di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**SENGKURONG**, Isnin, 24 Ogos. - Bagi menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta memupuk kecintaan dan penghayatan terhadap sirah, sunnah dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut, dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung Mulaut, telah mengadakan Majlis Penutup Dikir Maulud 12 Malam Berturut-turut sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis tersebut diadakan di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk memupuk semangat cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, memperkukuh ukhuwah islamiah serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk dan jemaah melalui penglibatan dalam aktiviti keagamaan yang diadakan di masjid.

Penganjuran Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut turut mencerminkan komitmen berterusan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung Mulaut dalam menghidupkan syiar Islam serta menggalakkan masyarakat untuk bersama-sama mengimarahkan masjid dan menyertai kegiatan keagamaan.

Majlis seumpama ini diharap akan dapat terus menyemai dan menyuburkan rasa kecintaan terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, seterusnya membentuk masyarakat yang menghayati dan mengamalkan ajaran serta akhlak Baginda dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, penglibatan masyarakat secara bersama diharapkan dapat mengeratkan silaturahim, memperkukuh semangat kebersamaan dan memupuk perpaduan dalam kalangan penduduk serta jemaah kampung berkenaan.

# PROJEK RINTIS PKBN PERKASA PEMBANGUNAN BELIA



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran Projek Rintis PKBN.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**TEMBURONG**, Isnin, 24 Ogos. - Projek Rintis Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) selama enam bulan merupakan satu langkah penting dalam usaha memperkasa pembangunan belia di Negara Brunei Darussalam.

Pelaksanaan projek berkenaan berlandaskan limpah kurnia dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang mencerminkan keprihatinan berterusan baginda terhadap pembangunan generasi muda yang berdisiplin, berjati diri dan berdaya tahan, selain bersedia memikul tanggungjawab serta memberikan sumbangan bermakna kepada agama, masyarakat dan negara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menyatakan perkara tersebut ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran Projek Rintis PKBN selama enam bulan di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, projek berkenaan membawa pendekatan yang lebih menyeluruh bagi memastikan pengisian program terus relevan dengan keperluan dan cabaran semasa.

"Ke arah itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama pelbagai agensi kerajaan dan rakan strategik telah berganding bahu merangka pengisian yang lebih menyeluruh bagi melengkapi para belia menghadapi perubahan pesat teknologi, cabaran ekonomi dan dinamika sosial yang semakin *sophisticated*.

"Usaha ini bukan sahaja bertujuan untuk membina disiplin dan ketahanan fizikal, tetapi juga untuk membentuk minda, sahsiah dan jati diri belia.

"Impian kita adalah untuk melahirkan generasi yang mempunyai keyakinan diri, semangat patriotisme dan rasa tanggungjawab yang tinggi, serta bersedia menghadapi hari ini dan masa hadapan dengan ilmu, kemahiran dan nilai-nilai yang kukuh," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut mengalu-alukan pengenalan dua komponen baharu dalam projek berkenaan, iaitu Komponen Siap Siaga Masa Depan dan Komponen Program Pertahanan Awam.

Jelas Yang Berhormat, kedua-dua komponen tersebut memperluaskan dimensi latihan PKBN dengan memberikan perhatian bukan sahaja kepada pembentukan peribadi dan disiplin, tetapi juga kepada kesiapsiagaan para pelatih dalam mendepani cabaran kehidupan dan hari muka.

"Saya difahamkan bahawa melalui Komponen Siap Siaga Masa Depan, para pelatih akan didedahkan kepada ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dapat meningkatkan kebolehpasaran, daya saing dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dunia pekerjaan.

"Saya berharap komponen ini juga akan menyemai kewibawaan dan keyakinan untuk meneroka bidang keusahawanan serta membuka ruang kepada para pelatih untuk mencipta peluang dan menjana pendapatan secara berdikari," ujar Yang Berhormat.

Melalui Komponen Program Pertahanan Awam pula, tambah Yang Berhormat, para pelatih akan memperoleh pendedahan dan pengetahuan asas dari agensi-agensi keselamatan yang terlibat.

"Selain meningkatkan kesiapsiagaan dalam menghadapi situasi kecemasan, saya berharap pengalaman ini akan menyemai semangat khidmat kepada masyarakat dan negara, serta membuka minat dalam kalangan para pelatih untuk mempertimbangkan kerjaya dalam pasukan beruniform pada masa hadapan," kata Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa pengalaman, pencapaian dan pembelajaran para pelatih sepanjang tempoh berkenaan akan menjadi sebahagian daripada asas bagi menilai dan memperkukuh pelaksanaan PKBN untuk generasi seterusnya.

"Dengan itu, *biskita* juga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan peluang yang diberikan ini benar-benar dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

"Sepanjang tempoh enam bulan ini, pastinya ada cabaran yang perlu dihadapi. Akan ada ketika *biskita* diuji dari segi fizikal, kekuatan mental dan emosi. Namun, di situlah terletaknya nilai sebenar latihan ini.

"Setiap cabaran yang mendewasakan, setiap disiplin yang dipupuk, dan setiap pengalaman yang dilalui adalah acuan terbaik dalam membina jati diri yang lebih cekal, matang, berdikari serta bertanggungjawab.

"Saya menyeru kepada para pelatih sekalian agar sentiasa fokus, berdisiplin dan memberikan komitmen yang sepenuhnya sepanjang menjalani latihan ini.

"Belajarlah bukan sahaja daripada modul yang disediakan, malah timbalah ilmu daripada para jurulatih, rakan-rakan serta setiap pengalaman berharga sepanjang berada di sini.

"Binalah persahabatan, semangat berpasukan dan rasa hormat antara satu sama lain, kerana nilai-nilai inilah yang akan terus menjadi bekalan dalam kehidupan *biskita* selepas tamatnya latihan ini," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, negara memerlukan generasi belia yang bukan sahaja bercita-cita, tetapi tangkas mengorak langkah; bukan sekadar berilmu, tetapi teguh berintegriti; serta bukan sahaja bersedia menerima peluang, tetapi bijak menciptanya dan memberikan sumbangan.

Yang Berhormat juga menasihati para peserta untuk memanfaatkan peluang tersebut bagi membina potensi terbaik dalam diri, bukan sahaja demi masa depan sendiri, malah agar dapat berbakti semula kepada keluarga, masyarakat dan negara.

"Inilah generasi yang kita perlukan untuk bersama-sama menjayakan Wawasan Brunei 2035, demi kemakmuran dan kesejahteraan negara yang kita cintai," kata Yang Berhormat.

# 28 belia sertai Projek Rintis PKBN



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi pelancaran Projek Rintis Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Enam Bulan yang diadakan di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong.**

**TEMBURONG**, Isnin, 24 Ogos. - Seramai 28 orang belia, terdiri daripada 15 orang lelaki dan 13 orang perempuan berumur antara 20 hingga 25 tahun, menyertai Projek Rintis Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Enam Bulan yang telah dilancarkan hari ini di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong.

Projek rintis yang dilaksanakan bermula pada 9 Ogos 2026 hingga 4 Februari 2027 ini adalah berlandaskan hasrat dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memperluas ruang bagi pelatih untuk menjalani modul latihan yang lebih teratur dan mendalam ke arah membentuk generasi belia yang berdisiplin, berjati diri dan berdaya tahan serta dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan bagi menghadapi cabaran hari ini dan masa hadapan.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang dipimpin oleh Pelatih 14651 Muhammad Waiz @ Abdul Aziz bin Haji Shahrin dari Platun 1, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara selaku Pengerusi Majlis, Pengiran Haji Md. Asran bin Pengiran Haji Mahmud.

Seterusnya, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha menyampaikan ucapan selaku tetamu kehormat majlis, sebelum menyempurnakan pelancaran Projek Rintis PKBN Enam Bulan.

Sejurus selepas pelancaran, majlis diteruskan dengan Lafaz Ikrar PKBN yang diketuai oleh Pelatih 14643 Muhammad Zul Zakreen bin Abdullah Muhammad Adriady Hakimie dari Platun 1, diikuti dengan persembahan lagu 'Sedia Berbakti' oleh para pelatih Projek Rintis PKBN Enam Bulan.

Projek Rintis PKBN Enam Bulan merangkumi lima komponen utama, iaitu Komponen Jati Diri, Kenegaraan dan Keagamaan; Komponen Disiplin dan Latihan Fizikal; Komponen Khidmat Komuniti; Komponen Siap Siaga Masa Depan; serta Komponen Program Pertahanan Awam.

Pelaksanaan komponen-komponen berkenaan melibatkan kerjasama pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, pihak swasta serta pertubuhan bukan kerajaan.

Antara pembaharuan utama projek rintis ini ialah pengenalan Komponen Siap Siaga Masa Depan, yang merupakan penambahbaikan kepada Komponen Keusahawanan yang dilaksanakan sebelum ini.

Komponen tersebut diperkukuhkan dengan modul-modul baharu bagi mempersiapkan para pelatih untuk memasuki alam pekerjaan atau menceburi bidang keusahawanan, dengan memberikan penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran yang relevan dengan perkembangan semasa, termasuk dalam bidang inovasi, teknologi digital dan celik kewangan.

Pengisian ini dihasratkan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing para pelatih, di samping membina keyakinan serta keupayaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dunia pekerjaan, meneroka peluang keusahawanan dan menjana pendapatan secara berdikari.

Sementara itu, melalui Komponen Program Pertahanan Awam, para pelatih akan menjalani penempatan di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Penempatan tersebut memberikan pendedahan kepada para pelatih mengenai peranan dan tanggungjawab agensi-agensi berkenaan, di samping memberikan pengetahuan asas berkaitan keselamatan dan kesiapsiagaan serta menyemai semangat untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara.

Secara keseluruhannya, Projek Rintis PKBN Enam Bulan memberikan penekanan kepada pembangunan belia secara menyeluruh dengan mengimbangi pembentukan disiplin, sahsiah, jati diri dan semangat patriotisme dengan pembangunan pengetahuan, kemahiran dan kesiapsiagaan masa hadapan.

Melalui pengisian program yang diperkukuhkan ini, PKBN dihasratkan untuk melahirkan generasi belia yang cekal, berdikari dan berdaya tahan serta memiliki keyakinan diri, nilai-nilai murni dan rasa tanggungjawab untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar; pegawai-pegawai kanan kerajaan, para ibu bapa dan penjaga serta para jemputan.



**LAFAZ Ikrar PKBN yang diketuai oleh Pelatih 14643 Muhammad Zul Zakreen bin Abdullah Muhammad Adriady Hakimie dari Platun 1.**

# MENGHAYATI SIRAH, AKHLAK RASULULLAH



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**PESURUHJAYA Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penutup Dikir Syarafil Anam (atas dan kiri).**

**GADONG**, Selasa, 25 Ogos. - Badan Ugama Islam (BUI), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), baru-baru ini menganjurkan Majlis Penutup Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong.

Majlis berkenaan dihadiri oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Sulaiman bin Alidin, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Timbalan Penguasa Polis Abdul Hafizazuddin bin Haji Abdul Wahab, selaku Pengerusi BUI, serta pegawai-pegawai kanan, pegawai, anggota pangkat rendah dan kakitangan awam PPDB.

Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Dikir Syarafil Anam dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis berkenaan diadakan sebagai wadah bagi warga PPDB untuk bersama-sama menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta menghayati sirah dan akhlak Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

# Jadikan selawat sebagai amalan harian

Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam



**NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle semasa hadir mengetuai rombongan UBD pada Majlis Penutup Dikir Maulud sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 25 Ogos. - Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama ahli jawatankuasa takmir masjid dan Muslimah masjid baru-baru ini telah mengadakan Majlis Penutup Dikir Maulud sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis Dikir Maulud berkenaan diserikan lagi dengan kehadiran rombongan jemputan dari UBD.

Hadir mengetuai rombongan, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Majlis dimeriahkan lagi dengan kehadiran ahli jawatankuasa takmir majid, Muslimah masjid, ketua-ketua kampung dan penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba dan jemaah masjid bagi sama-sama mengimarahkan masjid.

Bulan Rabiulawal adalah bulan yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam di seluruh dunia, bulan yang penuh keberkatan kerana di dalamnya terdapat Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan berselawat dan memuji-muji Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Berselawat bukan sahaja pada bulan keputeraan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam malah hendaklah menjadikan Selawat sebagai amalan harian yang berterusan.

Berselawat untuk nabi menjadi asbab turunnya rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan memperoleh syafaat Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kelak. Selain itu, berselawat dan memuji-muji Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan antara amalan yang paling mudah tetapi paling besar ganjarannya. Dengan berselawat dapat menzahirkan kecintaan dan penghormatan kita kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping memperingati perjuangan dan mencontohi akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping mengimarahkan dan menghidupkan masjid pada malam-malam sebelum tarikh Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, usaha berkenaan diharapkan akan dapat memupuk dan mengeratkan lagi ukhuwah Islamiyyah dalam kalangan masyarakat di semua peringkat umur dan menanaman nilai keislaman dalam kehidupan seharian.

Diharapkan ia juga akan dapat melatih masyarakat untuk sentiasa mengingati tarikh Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



# PELAJAR BAHARU UNISSA MULAKAN MINGGU TA'ARUF



**REKTOR UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani hadir semasa menyampaikan Ucapan Amanat Rektor.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Majlis Amanat dan Ikrar bagi Pelajar Baharu Sesi 2026 / 2027 sebagai menandakan bermulanya Program Ta'aruf UNISSA, petang tadi.

Bagi Sesi Tahun Akademik 2026 / 2027, seramai 503 pelajar iaitu 397 pelajar dalam Program Prasiswazah dan 106 pelajar dalam Program Siswazah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani yang seterusnya menyampaikan Ucapan Amanat Rektor serta merasmikan Program Ta'aruf UNISSA.

Dalam amanatnya menegaskan bahawa ilmu yang dipelajari di UNISSA bersifat 'serampang dua mata' yang menyeimbangkan keperluan dunia dan akhirat, di mana ilmu wahyu, ilmu aqli, keilmuan Islam tradisi serta perkembangan ilmu kontemporari diintegrasikan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran universiti.

Rektor UNISSA juga menyeru para pelajar baharu agar menetapkan niat yang benar dalam menuntut ilmu, mengimbangi kecemerlangan akademik dengan pembentukan sahsiah, serta memanfaatkan ilmu untuk memberi manfaat kepada orang lain.

Para pelajar juga dinasihatkan supaya tidak mudah berputus asa apabila berdepan cabaran, berani mencuba dan belajar daripada kesilapan, di samping membina semangat kekitaan serta sentiasa menjaga nama baik diri, keluarga, UNISSA dan negara.

Seiring dengan aspirasi UNISSA dalam 'Mencorak Khayra Ummah', para pelajar baharu digalakkan untuk melihat perjalanan mereka di universiti sebagai proses membentuk insan yang berilmu, berakhlak, berkemahiran dan mampu memberikan sumbangan bermakna kepada agama, bangsa dan negara.





**SERAMAI 503 pelajar mengikuti Majlis Amanat dan Ikrar bagi Pelajar Baharu Sesi 2026 / 2027 sebagai menandakan bermulanya Program Ta'aruf UNISSA bagi Sesi Tahun Akademik 2026 / 2027 (kiri dan atas kanan).**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

Sepanjang program Ta'aruf UNISSA, para pelajar baharu akan mengikuti pelbagai pengisian yang merangkumi pengenalan kepada program akademik dan kokurikulum, fakulti serta perkhidmatan yang disediakan oleh universiti.

Program turut memberi penekanan kepada pembangunan sahsiah menerusi beberapa sesi antaranya Taklimat Makarimal Akhlak, Buli atau Hero, Taklimat Wawasan Brunei, University Survival Guide, Perjalanan Persiapan Kerjaya dan Navigating Digital Landscape as Khayra Ummah.

Selain itu, para pelajar juga akan menyertai aktiviti khidmat masyarakat sebagai sebahagian daripada usaha memupuk nilai keprihatinan, tanggungjawab dan semangat berbakti dalam kalangan mahasiswa UNISSA.

Program Ta'aruf juga merangkumi satu Forum Khas sempena memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang menampilkan mahasiswa UNISSA sebagai ahli-ahli panel dan moderator. Turut hadir di majlis berkenaan, penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, para pensyarah dan kakitangan UNISSA.

# Hayati, contohi akhlak Rasulullah



**RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Arman bin Haji Asmad hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (atas). Manakala gambar bawah kiri, tazkirah disampaikan oleh Tenaga Akademik, Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath KUPU SB, Profesor Madya Dr. Harapandi Dahri.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



Majlis berlangsung pagi tadi di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad.

Turut hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai - pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Majlis diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Maulid Nabi: Cinta, Ilmu dan Akhlak', yang disampaikan oleh Tenaga Akademik, Pusat Pengajian Jawi dan Kitab Turath KUPU SB, Profesor Madya Dr. Harapandi Dahri.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada tazkirah berkenaan ialah Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar mengenang kelahiran Baginda, tetapi merupakan momentum untuk memperbaharui cinta, memperkukuh ilmu dan memperindah akhlak berdasarkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan**

Cinta kepada Rasulullah mendorong kita mempelajari ajarannya. Ilmu tentang Rasulullah membawa kita mengikuti sunnahnya. Dan ilmu yang benar akhirnya tercermin dalam akhlak yang mulia.

Justeru, Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan benar-benar bermakna apabila cinta kita bertambah, ilmu kita bertambah dan akhlak kita menjadi lebih baik.

Adapun tujuan majlis ini diadakan antara lain bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping menghayati dan mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Uswah Hasanah sepanjang zaman.

# Wudhu' Batal Sebelum Sempat Memberi Salam Kedua

IRSYAD HUKUM
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam
Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

***(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)***

**MEMBERI** salam adalah salah satu rukun dalam sembahyang. Mengikut tertib dalam sembahyang, salam dilakukan setelah selesai daripada membaca *tasyahhud akhir* dan *shalawat* ke atas Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Salam merupakan rukun terakhir dan penutup dalam ibadah sembahyang, sebagaimana hadits yang diriwayatkan daripada 'A'isyah Radhiallahu 'anha yang menceritakan cara sembahyang Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bermula daripada takbiratulihram, diikuti dengan segala perbuatan dalam sembahyang sehinggalah kepada penutup sembahyang, dia berkata:

**Maksudnya:** *Dan Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam menutup sembahyang (Baginda) dengan salam.*

*(Hadits riwayat Muslim)*

Dalam perkara memberi salam dalam sembahyang ini, timbul persoalan apabila seseorang yang mengerjakan sembahyang, sama ada secara sendirian atau berjemaah, berhadats sebelum sempat memberi salam kedua, adakah sembahyang itu dihukumkan batal atau orang tersebut boleh untuk meneruskan sembahyangnya dan memberi salam kedua? Berikut penjelasan mengenainya.

Salam pertama adalah termasuk dalam rukun *qauli* (ucapan) sembahyang. Sebagaimana rukun *qauli* yang lain, disyaratkan supaya salam itu dilafazkan atau diucapkan dengan suara yang boleh didengar oleh telinganya sendiri mengikut kadar pendengaran yang biasa. Sunat memalingkan muka ke kanan bagi salam pertama. Manakala salam kedua pula termasuk dalam sunat *hai'at* dan memalingkan muka ke kiri hukumnya juga adalah sunat.

Sekurang-kurang lafaz salam dalam sembahyang yang tsabit daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* ialah السَّلَامُ عَلَيْكُمْ. Keseluruhan lafaz salam hendaklah diucapkan dalam posisi duduk, iaitu bermula dari kalimah السَّلَامُ, sehinggalah selesai pada huruf 'م' (mim) pada kalimah عَلَيْكُمْ. Posisi dada sepanjang melafazkan salam wajib dihadapkan ke arah kiblat. Jika dada terpaling daripada menghadap ke arah kiblat disebabkan lupa atau jahil, maka tidak membatalkan sembahyang. Sebaliknya, jika dilakukan dengan sengaja dan tahu akan hukumnya, maka perkara ini membatalkan sembahyang.

Ketika melafazkan salam, antara perkara yang disyaratkan mengenainya ialah kedua-dua kalimah tersebut hendaklah dilafazkan tanpa diselangi oleh sebarang percakapan atau perkataan lain yang boleh membatalkan salam. Selain itu, disyaratkan juga salam itu dilafazkan secara *muwalah*, iaitu melafazkan kalimah السَّلَامُ kemudian عَلَيْكُمْ secara berturut-turut dan tidak memisahkan antara keduanya kecuali dalam kadar mengambil nafas. Jika dipisahkan antara kedua-dua kalimah tersebut dengan diam dalam tempoh yang lama, atau diam dalam tempoh yang singkat dengan tujuan untuk memutuskan lafaz salam, maka perkara ini memutuskan *muwalah*. Lafaz salam dianggap tidak sah dan wajib mengulangi lafaz salam semula.

Lafaz salam yang *akmal* (lengkap) pula ialah السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ kerana disunatkan untuk menambah وَرَحْمَةُ اللهِ pada penghujung setiap salam.

Persoalan mengenai seseorang yang mengerjakan sembahyang lalu dia berhadats seperti terkentut setelah selesai melafazkan salam pertama dan sebelum melafazkan salam kedua, hukum sembahyang yang dikerjakannya adalah sah kerana dia telah menamatkan sembahyang dengan melafazkan salam pertama. Walau bagaimanapun, jika dia berhadats pada salam pertama sebelum selesai menyebut huruf 'م' pada kalimah عَلَيْكُمْ, maka salam sebagai rukun sembahyang tidak dikira sempurna. Perkara ini menyebabkan sembahyang tersebut batal dan wajib diulang.

Manakala persoalan mengenai seseorang yang berhadas setelah selesai memberi salam pertama, adakah dia boleh meneruskan sembahyang dan melafazkan salam kedua? Dalam hal ini, dia tidak lagi dituntut untuk melafazkan salam kedua, malah hukumnya adalah haram jika dia melafazkan salam kedua. Perkara ini disebut oleh Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, katanya:

**Ertinya** : *Dan adakalanya haram memberi salam kedua (iaitu) ketika berlaku sesuatu yang membatalkan (sembahyang) sebaik sahaja (selesai) salam pertama, seperti berhadats, keluar waktu sembahyang Jumaat, khuff terkoyak, niat bermukim (menetap bagi musafir), aurat terdedah, dan najis yang tidak dimaafkan jatuh ke atasnya (orang yang sembahyang).*

Walau bagaimanapun, jika dia meneruskan sembahyang dan memberi salam kedua dalam keadaan berhadats, maka perbuatannya melafazkan salam kedua dalam keadaan berhadats itu tidak menjejaskan kesahan sembahyang yang telah dikerjakan kerana sembahyang tersebut telah sah dan sempurna dengan lafaz salam pertama.

Sungguhpun salam kedua hukumnya adalah sunat, namun seseorang tetap dituntut melakukannya dalam keadaan suci daripada hadats sebagaimana disebut dalam kitab al-Majmu':

**Ertinya:** *Apabila kami mengatakan: Disunatkan (ucapan) salam kedua, maka (sungguhpun) ia berlaku selepas selesainya sembahyang, (dan) ia bukan (pula) sebahagian (rukun) daripadanya (sembahyang), dan sembahyang telah sempurna dengan (ucapan) salam pertama, sehinggakan jika seseorang itu berhadats (ketika melakukan) salam kedua, sembahyangnya itu tidak batal, akan tetapi dia tidak (boleh) melakukannya (salam kedua) kecuali dengan keadaan suci (daripada hadats).*

Tuntutan kekal dalam keadaan suci daripada hadats hendaklah tetap dipelihara sehinggalah selesai melafazkan salam kedua. Perkara ini ada dinyatakan oleh Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj, bahawa salam kedua itu berfungsi sebagai *tawabi'* (pengikut) dan *mukammilat* (pelengkap) bagi sembahyang walaupun ia bukan sebahagian daripada rukun sembahyang. Beliau berkata:

**Ertinya:** *Dan ia (salam kedua), sungguhpun bukan sebahagian daripada (rukun) sembahyang, namun ia (merupakan sebahagian) daripada perkara-perkara yang mengikutinya dan pelengkap-pelengkapnya.*

Adapun dalam sembahyang berjemaah, jika imam melafazkan salam hanya sekali iaitu salam pertama sahaja, makmum tetap disunatkan untuk melafazkan salam kedua.

Jika imam berhadats setelah selesai melafazkan salam pertama sebelum memberi salam kedua, atau imam berhadats ketika sedang melafazkan salam kedua, maka dalam hal ini sembahyang imam tetap sah kerana sembahyang imam telah sempurna dengan melafazkan salam pertama. Namun, imam mesti berhenti setakat itu sahaja dan tidak melafazkan salam kedua dalam keadaan berhadats. Manakala makmum pula boleh meneruskan salam kedua bagi dirinya sendiri setelah menyempurnakan salam pertama.

Jika makmum pula berhadats selepas imam dan dirinya sendiri selesai melafazkan salam pertama, maka sembahyang makmum tetap sah kerana dia telah menyempurnakan rukun salam bagi dirinya sendiri. Namun, makmum itu mesti berhenti setakat itu sahaja dan tidak melafazkan salam kedua dalam keadaan berhadats.

Kesimpulannya, sembahyang seseorang dihukumkan sah sebaik sahaja selesai memberi salam pertama. Hadats yang berlaku selepas salam pertama tidak membatalkan sembahyang, akan tetapi menggugurkan tuntutan sunat untuk melakukan salam kedua. Malah, dalam keadaan berhadats, hukum melakukan salam kedua adalah haram. Sungguhpun salam kedua adalah perkara sunat *hai'at*, seseorang tetap dituntut untuk melakukannya dalam keadaan suci daripada hadats kerana salam kedua dianggap sebagai pengikut dan pelengkap bagi sembahyang.

MENUJU KEREDAAN ALLAH

# SENTIASA MENCARI ILMU

**SEBAGAI** seorang Islam hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan yang berguna terutamanya ilmu ugama. Ilmu-ilmu yang bermanfaat bukan sahaja diamalkan malah juga disampaikan atau dikongsi bersama dengan cara yang betul dan baik. Ilmu pengetahuan itu sangat luas dan boleh diperolehi dengan usaha, kemahuan dan kegigihan seseorang.

Ilmu pengetahuan itu bukan untuk menunjuk-nunjuk atau riak ke atas orang yang kurang berilmu. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Barang siapa yang mempelajari suatu ilmu untuk bermegah-megah dengan para ahli ilmu atau berbantah-bantah dengan orang-orang bodoh dan hendak memalingkan muka orang lain (supaya ia dipandang tinggi dan memberi puji-pujian terhadapnya) maka Allah akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam".*

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ath-Thabrani, daripada Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Bahawasanya ada satu golongan dari umatku, mereka ini memperdalami ilmu pengetahuan agama, mereka mengaji Al-Quran lalu mereka berkata (sesama sendiri) : Mari kita pergi kepada pihak pemerintah kita untuk mendapat kesenangan dunia (yang mereka punyai) dan kita perdayakan mereka dengan kepandaian ilmu agama kita. Ini tidak boleh jadi. Kerana sebagaimana tidak akan dapat dihasilkan dari satu pohon yang berduri (tak ada buah) melainkan darinya, maka demikianlah tiada akan didapati apa-apa dari hampirnya mereka (kepada para pemerintah) itu melainkan hanyalah dosa-dosa sahaja".*

*Dengan sifat sebegitu rupa tidaklah ada 'barakat' mahupun kepentingan ilmu untuk mencari kebenaran dan manfaat, malah hanya menggunakan ilmu itu untuk kepentingan dan kesenangan diri. Ilmu demikian tidak akan membawa kebaikan dan perkembangan akal fikiran.*

Ilmu itu datangnya dari Allah Subhanahu Wata'ala melalui rasul-rasul-Nya yang menyampaikan kepada umat manusia yang kemudian akan disampaikan pula kepada generasi yang lain sehinggalah sekarang. Tanpa ilmu yang bersumberkan dari Allah Subhanahu Wata'ala, hidup manusia setentunya dalam kejahilan dan kemunduran. Tidak ada masyarakat yang hidup sempurna, maju dan berjaya tanpa ada ilmu pengetahuan.

Sesungguhnya Islam telah mewajibkan umatnya untuk menuntut ilmu. Menuntut ilmu itu satu ibadah yang dijanjikan ganjaran yang sangat besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat darjat yang tinggi di sisi-Nya serta mempermudahkan jalannya menuju ke syurga. Seperti mana diriwayatkan Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan maka Allah akan mempermudahkan baginya suatu jalan untuk ke syurga".*

Terdapat golongan manusia yang terpilih dan teristimewa yang mempunyai kelebihan daripada manusia biasa yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala mendapat kemuliaan itu, seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dari Mu'awiyah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Barang siapa yang dikehendaki oleh Allah akan mendapat kebajikan maka Allah menjadikan dia sangat faham dalam agama Islam. Adapun saya hanya menyampaikan hukum Allah (kepada manusia) dengan tiada membeza-bezakan (antara mereka) dan Allah yang memberi (kepada setiap mereka kefahaman iaitu dalam apa-apa perkara yang dikehendaki-Nya). Dan umat ini (umat Islam) akan sentiasa menjalankan perintah Allah, dan orang-orang yang menyalahi mereka tiada akan dapat mendatangkan mudarat ke atas mereka selama-lamanya hinggalah datang Hari Kiamat".*

Mereka inilah yang akan menjadi pemimpin, penyampai dan juga pendidik ilmu dan mereka mengajarkan kepada manusia mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, daripada Katsir bin Qaisy, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

*"Ulama-ulama itu pewaris para Nabi".*

Baginda juga bersabda dalam sebuah hadis yang dipetik Musnad Asy-Syihab Al-Qudhai'e dari 'Anas bin Malik yang bermaksud :

*"Ulama-ulama itu pengamanah Allah terhadap makhluk-makhluk-Nya".*

Sebagai seorang pendidik atau penyampai ilmu tidak hanya mengajar atau mendidik manusia untuk mempelajari ilmu, malah hendaklah juga mengamalkan ilmu yang diajari mahupun dipelajari. Terdapat satu peringatan terhadap orang yang berilmu yang tidak mengamalkan ilmunya seperti mana disebutkan dalam hadis riwayat Imam Al-Bukhari dari Usamah bin Zaid Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud :

*"Akan didatangkan seseorang, kemudian dia dilempar ke dalam neraka, lalu di sana dia berputar-putar sebagaimana keldai menarik alat penggilingan, maka penghuni neraka mengelilingi orang tersebut dan bertanya : "Wahai Fulan, bukankah kamu dahulu pernah memerintahkan kebaikan dan melarang kemungkaran?" Ia menjawab : "Ya, saya dahulu memerintah kebaikan, namun aku tidak mengerjakannya, dan aku melarang kemungkaran, namun aku sendiri melakukannya".*

PELITA BRUNEI

# KEPI ADAKAN MAJLIS PENUTUP DIKIR



SETIAUSAHA Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup Dikir tersebut di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

**KILANAS**, Isnin, 24 Ogos. - Bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) malam tadi telah mengadakan Majlis Penutup Dikir yang berlangsung di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Industri), KEPI, Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim. Turut hadir sama, Timbalan - Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawahnya, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta penduduk di Mukim Kilanas.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, Awang Adee Aiman bin Haji Muhiddin sebelum diteruskan dengan bacaan Dikir Assalai, Dikir Bisyahri, Dikir Alhamdulillah dan Dikir Marhaban secara beramai-ramai.

Acara seterusnya diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam sebelum diakhiri dengan sesi bergambar ramai yang melibatkan warga KEPI, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas serta orang ramai yang hadir sama dalam memeriahkan lagi majlis tersebut.




# Pembedahan penggantian lutut berbantukan teknologi robotik berjaya dilaksanakan

**HOSPITAL Raja Isteri Pengiran Anak Saleha mencatat satu lagi pencapaian penting dalam perkembangan perkhidmatan ortopedik apabila berjaya melaksanakan pembedahan penggantian lutut berbantukan teknologi robotik buat pertama kali.**



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mencatat satu lagi pencapaian penting dalam perkembangan perkhidmatan ortopedik apabila berjaya melaksanakan pembedahan penggantian lutut berbantukan teknologi robotik buat pertama kali.

Hospital RIPAS kini melaksanakan kira-kira 80 prosedur Penggantian Keseluruhan Lutut (Total Knee Replacement) setiap tahun sebagai sebahagian daripada perkhidmatan penggantian sendi yang sedia ada.

Pada Isnin, 17 Ogos 2026, perkhidmatan berkenaan terus diperkembangkan dengan penggunaan teknologi berbantukan robotik bagi pembedahan penggantian lutut buat pertama kalinya.

Dua prosedur berjaya dilaksanakan, iaitu Penggantian Keseluruhan Lutut Berbantukan Robotik (Robotic-Assisted Total Knee Replacement) dan Penggantian Sebahagian Lutut Berbantukan Robotik (Robotic-Assisted Partial Knee Replacement).

Prosedur Penggantian Sebahagian Lutut tersebut turut mencatat sejarah sebagai pembedahan penggantian sebahagian lutut pertama yang dilaksanakan di Hospital RIPAS, sekali gus menjadi satu lagi perkembangan penting dalam perkhidmatan penggantian sendi hospital berkenaan.

Kedua - dua prosedur dilaksanakan oleh pasukan Ortopedik Hospital RIPAS dengan sokongan Pakar Perunding Bedah Ortopedik, Dr. Sim Wei Ping dari Khoo Teck Puat Hospital, Republik Singapura.

Kedua-dua pesakit merupakan wanita berusia 55 tahun yang mengalami kesakitan lutut yang ketara selama kira-kira tiga tahun sehingga menjejaskan pergerakan dan aktiviti harian mereka.

Hasil penilaian klinikal dan radiologi yang teliti, seorang pesakit memerlukan penggantian keseluruhan sendi lutut, manakala seorang lagi mengalami artritis yang kebanyakannya terhad kepada sebahagian lutut dan sesuai menjalani Penggantian Sebahagian Lutut, sekali gus membolehkan bahagian sendi yang masih sihat dikekalkan.

Pembedahan lutut berbantukan robotik menggabungkan kepakaran klinikal pakar bedah dengan perancangan berbantukan komputer serta teknologi berketepatan tinggi.

Sistem berkenaan menyediakan maklumat terperinci mengenai anatomi, penjajaran dan keseimbangan tisu lembut lutut pesakit, sekali gus membantu pakar bedah dalam perancangan pembedahan, penempatan implan dan memastikan keseimbangan lutut.

Walau bagaimanapun, sistem robotik berkenaan tidak melaksanakan pembedahan secara sendiri. Pakar bedah kekal mengawal sepenuhnya sepanjang prosedur, manakala teknologi tersebut berperanan sebagai alat berketepatan tinggi bagi menyokong proses membuat keputusan dan pelaksanaan pembedahan.

Mengulas mengenai pencapaian tersebut, Pakar Perunding Bedah Ortopedik dan Medical Superintendent Hospital RIPAS, Pengiran Dr. Noor Azmi bin Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad, berkata pihaknya amat menghargai sokongan berterusan Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membolehkan perkhidmatan kesihatan terus berkembang dan menerima inovasi perubatan yang bersesuaian.

"Bagi kami, teknologi pada akhirnya adalah untuk meningkatkan penjagaan pesakit. Bantuan robotik menyediakan satu lagi alat untuk mempertingkatkan perancangan dan ketepatan pembedahan, di samping membolehkan kami membangunkan kemahiran dan pengalaman pasukan tempatan.

"Matlamat kami adalah untuk terus meningkatkan standard penjagaan ortopedik yang dapat kami sediakan di Negara Brunei Darussalam," jelasnya.

Program berkenaan turut memberikan peluang penting bagi latihan secara praktikal, perkongsian ilmu dan pembangunan keupayaan kepada pasukan Ortopedik, kejururawatan dan dewan bedah tempatan.

Kejayaan melaksanakan kedua-dua prosedur berkenaan memberikan pengalaman tempatan yang amat bernilai ketika Hospital RIPAS terus meneroka dan menilai bagaimana kemajuan teknologi pembedahan dapat menyumbang kepada perkembangan serta peningkatan mutu perkhidmatan ortopedik pada masa hadapan.

Kedua-dua pesakit kini sedang dalam proses pemulihan selepas menjalani prosedur berkenaan dan akan mengikuti program pemulihan secara berstruktur sebagai sebahagian daripada proses pemulihan mereka.

Pencapaian tersebut mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kesihatan dalam memperkukuh perkhidmatan kesihatan kepakaran, membangunkan kepakaran tempatan serta menerima inovasi perubatan yang bersesuaian dalam usaha menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi dan berpusatkan pesakit bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

**JABATAN BANDARAN**
**KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Keterangan Projek:**
BBS / TOC / RCKB(1) / 2026-2029
Three (3) Years Term Contract For Rubbish Collection In Kuala Belait Municipal Area

**Dibukakan Kepada Pemborong – Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.**
**(Kelas I, II Dan III Kategori S01)**

**Bilangan Dan Keterangan Projek:**
BBS / TOC / GCKBMA(7) / 2026–2029
Three (3) Years Term Contract For Grass Cutting At Kuala Belait And Seria Municipal Area

**Dibukakan Kepada Pemborong – Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.**
**(Kelas I, II Dan III Kategori KPB12)**

**Yuran Tawaran :**
BND50.00

**Bilangan Dan Keterangan Projek:**
BBS / TOC / BCS(8) / 2026–2029
Three (3) Years Term Contract For Building Cleaning Services
a) Pasarneka Seria, Jalan Lorong 3 Selatan Seria
b) Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait

1 sudu besar asam jawa - bancuh dengan 1 mangkuk air
3 sudu besar cili kisar
1 - 2 sudu kecil Maggi Cukup Rasa atau secukupnya
3 keping asam tampik
Garam - jika perlu
500ml air
Minyak

**BAHAN KISAR :**
1 biji bawang besar - saiz besar
2 ulas bawang merah
3 ulas bawang putih
4 hirisan lengkuas
1/2 inci halia
1/2 inci kunyit hidup

**CARA-CARA MEMASAK :**
Panaskan minyak yang agak banyak sesuai dengan jumlah bahan kisar. Tumis bahan kisar bersama serai sehingga garing dan naik minyak. Masukkan cili kisar dan tumis lagi sehingga cili masak garing dan naik minyak. Kemudian masukkan air asam jawa dan asam tampik dan masak sehingga pecah minyak lagi sekali. Masukkan air mengikut kepekatan yang disukai dan biarkan mendidih setelah itu baru masukkan ikan. Kecilkan api dan biar ia mereneh lama. Akhir sekali, masukkan Maggi cukup rasa. Sesuaikan rasa dan bolehlah diangkat.

# SOKAN DAN OLAH RAGA

## —Oleh Awang Md.Husain Zainal—

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Hoki antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei yang telah di-jalankan pada minggu lalu ada-lah saperti berikut: —

(1) *Pada* 8 *Ogos* 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Perempuan antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu SMJA, dengan Pasokan Wakil Sekolah2 Rendah Melayu, ia-itu Pasokan Sekolah Melayu Sengkurong, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sengkurong. Keputusan-nya pasokan Sekolah Melayu Sengkurong menang dengan 6 gol berbalas 1.

(2) *Pada* 9 *Ogos*, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Perempuan antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama menang dengan 1 gol tidak berbalas.

(3) *Pada* 10 *Ogos*, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu SMJA, bertempat di Padang SMJA, Bandar Brunei. Keputusan-nya Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama menang dengan 3 gol tidak berbalas.

(4) *Pada* 11 *Ogos*, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Perempuan antara Pasokan Maktab SOAS, dengan Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei, bertempat di-Padang SMJA, Bandar Brunei. Keputusan-nya pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei menang dengan 1 gol tidak berbalas.

(5) *Pada* 12 *Ogos*, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan Pasokan Wakil Sekolah2 Rendah Melayu, ia-itu Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell Seria. Keputusan-nya Pasokan Maktab Perguruan Melayu, Brunei menang dengan 10 gol tidak berbalas.

(6) *Pada* 13 *Ogos*, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong bertempat di-Padang SMJA, Bandar Brunei. Keputusan-nya Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria menang dengan 6 gol tidak berbalas.

(7) *Pada* 14 *Ogos*, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab SOAS, dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. Keputusan-nya Pasokan Maktab SOAS menang dengan 14 gol tidak berbalas.

Perlawanan2 yang di-jalankan pada minggu ini ada-lah saperti berikut: —

(1) *Pada* 15 *Ogos*, 1966: Dua Perlawanan Sa-tengah Akhir Kumpulan Perempuan di-jalankan serempak ia-itu:

(*a*) Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei berlawan dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, bertempat di-Padang SMJA, Bandar Brunei.

(*b*) Pasokan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri berlawan dengan Pasokan Sekolah Melayu Sengkurong sa-bagai mewakili Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sengkurong.

(2) *Pada* 16 *Ogos*, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan Pasokan Maktab SOAS, bertempat di-Padang SMJA, Bandar Brunei.

(3) *Pada* 17 *Ogos*, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell, Seria. Permainan di-mulakan jam 3-45 petang.

SEPAK RAGA JARING

Perlawanan Sepak Raga Jaring antara Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei yang telah di-jalankan ada-lah saperti berikut: —

(1) *Pada* 8 *Ogos*, 1966: Perlawanan Pemilehan Sekolah2 Jalan Muara Bahagian Brunei II, bertempat di-Gelanggang Maktab Perguruan Melayu Brunei. Permainan di-adakan dengan chara kalah mati (Knock-out).

(*a*) *Pasokan2 yang mengambil bahagian.*

(i) Sekolah Melayu Anggerek Desa 2 pasokan: "A" dan "B".

(ii) Sekolah Melayu Sungai Hanching 2 pasokan: "A" dan "B".

(iii) Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas 2 pasokan: "A" dan "B".

(iv) Sekolah Melayu Lambak, Berakas 2 pasokan: "A" dan "B".

(v) Sekolah Melayu SUAS Muara 2 pasokan: "A" dan "B".

(vi) Sekolah Melayu Burong Pingai Berakas 1 Pasokan: "B" sahaja.

(*b*) *Keputusan perlawanan.*

Kumpulan "A": Johan S.M. Anggerek Desa; Naib Johan S.M. Delima Satu.

Kumpulan "B": Johan S.M. Anggerek Desa; Naib Johan S.M. Burong Pingai, Berakas.

(*c*) Hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Ketua Kampong Delima I, Pengiran Haji Buntar, kapada pasokan2 yang berjaya.

(*d*) *Hadiah2 rebutan.*

(i) Kumpulan "A": Piala Awang Harun b. Abd. Samad.

(ii) Kumpulan "B": Piala Orang Kaya Dayang Haji Tamit.

(2) *Pada* 9 *Ogos*, 1966: Perlawanan Pemilehan Sekolah2 Jalan Tutong Bahagian Brunei II, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu Sengkurong. Permainan di-adakan dengan chara kalah mati.

(*a*) *Pasokan2 yang mengambil bahagian.*

(i) Sekolah Melayu Sengkurong 2 pasokan "A" dan "B".

(ii) Sekolah Melayu Kilanas 2 pasokan: "A" dan "B".

(iii) Sekolah Melayu Bunut 2 pasokan: "A" dan "B".

(iv) Sekolah Melayu Gadong 2 pasokan: "A" dan "B".

(v) Sekolah Melayu Jerudong 1 pasokan: "B" saja.

(vi) Sekolah Melayu Kiulap 1 pasokan: "B" saja.

(vii) Sekolah Melayu Bengkurong 1 pasokan: "A" saja.

(*b*) *Keputusan perlawanan.*

Kumpulan "A" Johan Sekolah Melayu Gadong; Naib Johan Sekolah Melayu Kilanas.

Kumpulan "B" Johan Sekolah Melayu Sengkurong; Naib Johan Sekolah Melayu Bunut.

(*c*) Hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Penghulu Kampong Sengkurong, Orang Kaya Maha Raja Dinda Haji Saman kapada pasokan2 yang berjaya.

(*d*) *Hadiah2 rebutan.*

(i) Kumpulan "A"': Perisai Persatuan Belia Sengkurong.

(ii) Kumpulan "B": Piala Orang Kaya Maha Raja Dinda Haji Saman.

(3) *Pada* 10 *Ogos*, 1966: Perlawanan Pemilehan Sekolah2 dan Maktab2 Bahagian Brunei I, bertempat di-gelanggang SMJA Tambahan. Permainan di-jalankan chara kalah mati.

(*a*) *Pasokan2 yang mengambil bahagian.*

(i) Sekolah Melayu SMJA 2 pasokan: "A" dan "B".

(ii) Sekolah Melayu Lela Menchanai 2 pasokan: "A" dan "B".

(iii) Sekolah Melayu Pintu Malim 1 pasokan: "B" saja.

(iv) Maktab SOAS 1 pasokan: "B" saja.

(*b*) *Keputusan perlawanan.*

Kumpulan "A" Johan Sekolah Melayu Lela Menchanai; Naib Johan Sekolah Melayu SMJA.

Kumpulan "B" Johan Maktab SOAS; Naib Johan Sekolah Melayu SMJA.

Maka dengan keputusan perlawanan itu Pasokan "A" Sekolah Melayu Lela Menchanai dan Pasokan "B" Maktab SOAS menjadi Wakil Sekolah2 Rendah Bahagian Brunei I, masok ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

---

## PERARAKAN BASIKAL BERHIAS BAGI MENYAMBUT HARI JADI D.Y.M.M.

KUALA BELAIT. — Satu Perarakan Basikal Berhias akan di-adakan di-Kuala Belait dalam bulan September hadapan, sa-bagai satu daripada achara2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Belait.

Perarakan tersebut ada-lah terbuka kapada semua Klab2, Persatuan2 dan Kumpulan2 atau Pasokan2 dalam Daerah Belait.

Pasokan yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam Perarakan tersebut, sila-lah membuat perhubongan dengan Pengerusi Jawatan Kuasa Perarakan Basikal Berhias, Awang Abdul Rahman bin Rahmat, d/a Jabatan Kenderaan Darat Kerajaan, Kuala Belait.

# OPERASI SEPADU KESAN PELBAGAI KESALAHAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**





**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Satu operasi sepadu sekatan jalan raya telah dilaksanakan di dua lokasi, iaitu Jalan Residency dan Jejambat Lebuhraya Muara-Tutong. Operasi berkenaan melibatkan seramai 82 pegawai dan anggota dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) dan Biro Kawalan Narkotik (BKN).

Hasil operasi, PPDB telah mengeluarkan lapan saman, satu doket dan dua peringatan atas kesalahan berkaitan lalu lintas dan kenderaan.

JPD pula mengeluarkan 5 saman atas kesalahan berkaitan kenderaan, manakala JKED telah mengesan 18 kesalahan memiliki barang tegahan. BKN turut mengesan satu kes penyalahgunaan dadah.

Operasi seumpama ini akan terus dilaksanakan secara bersepadu bagi meningkatkan pematuhan terhadap undang-undang, di samping membendung kesalahan yang boleh menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya dan ketenteraman awam.









**OPERASI sepadu sekatan jalan raya berkenaan telah dilaksanakan di dua lokasi berbeza iaitu Jalan Residency dan Jejambat Lebuhraya Muara-Tutong (kiri, kiri atas, kanan, kanan atas dan kanan atas sekali).**

# Operasi Kakas tingkat usaha bendung pesalah imgresen

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) terus meningkatkan usaha dalam membendung pesalah-pesalah imigresen di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui pelaksanaan Operasi Kakas JIPK 2026.

Operasi Kakas 86 / 2026 telah menyasarkan di kawasan pasar di Mukim Sengkurong. Hasil operasi 13 warga asing telah diperiksa dan hasil daripada pemeriksaan tersebut tujuh daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Individu-individu yang ditahan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan pas lawatan.

Sementara, Operasi Kakas 87 / 2026 menyasarkan di bilik sewa di Mukim Berakas 'A'. Seramai tiga warga asing telah diperiksa dan dua daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan pas lawatan.

Bagi Operasi Kakas 88 / 2026 pula menyasarkan di rumah sewa di Mukim Berakas 'A'. Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan ke atas lapan warga asing telah diperiksa, enam orang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Semua enam warga asing yang ditahan gagal mengemukakan dokumen asal. Hasil siasatan awal yang dijalankan mempercayai bahawa lima orang daripada yang ditahan melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah pas imigresennya mansuh dan Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Operasi Kakas 89 / 2026 menyasarkan di rumah sewa di Mukim Berakas 'B', pemeriksaan telah dijalankan ke atas empat warga asing dan kesemua individu yang diperiksa didapati mempunyai dokumen dan pas imigresen yang sah.







**OPERASI Kakas JIPK 2026 yang telah dijalankan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah mendapati beberapa kesalahan di bawah Peraturan Imigresen, dan Akta Imigresen (atas kiri, atas kanan dan kanan).**




# Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tokoh teragung sepanjang zaman

**Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail**
**Foto : Jabatan Penerangan**

TANGGAL 12 Rabiulawal dalam bulan hijrah Islam merupakan satu tarikh keramat dalam sejarah umat Islam di seluruh dunia. Kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi rahmat dan cahaya bagi seluruh umat manusia. Islam mengajar kita untuk meneladani akhlak Baginda sejak kecil iaitu amanah, penyayang, sabar dan bijaksana. Setiap Muslim hendaklah menghayati kisah kelahiran Baginda, bukan sekadar memperingati tarikh 12 Rabiulawal, tetapi mencontohi teladan hidup Baginda yang membawa perubahan positif dalam masyarakat Islam.

Sambutan Maulidur Rasul bagi meraikan dan memperingati kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai rahmat terbesar dan anugerah paling agung yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala untuk alam semesta ini. Sambutan Maulidur Rasul perlu dinilai sebagai saat penting menjadi pencetus kebangkitan semangat umat Islam untuk meneladani perjuangan Baginda dalam membina perpaduan, memperkukuh tamadun dan menegakkan keadilan sejagat. Bahkan setiap kali diraikan, ia menjadi jambatan untuk menyemai kasih, memperteguh iman dan mempererat ukhuwah sesama insan.

Sehubungan dengan itu juga, bagi memperingati kelahiran Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak ketinggalan menyambut Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah secara besar-besaran dengan Perhimpunan dan Perarakan serentak di keempat-empat daerah pada Selasa bersamaan 12 Rabiulawal 1448 Hijrah bersamaan 25 Ogos 2026 Masihi dengan tumpuan utama di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Bagi Daerah Belait diadakan di Padang Bandaran Jalan Sultan Kuala Belait; manakala Daerah Tutong diadakan di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong dan Daerah Temburong di Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Tema bagi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah ialah 'Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam Suluh Aqidah'. Tema ini membawa peranan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai suluh akidah, tunjang utama dalam membentuk umat yang beriman, bertakwa dan berpegang teguh kepada ajaran Islam.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diutuskan sebagai suluh akidah yang memandu manusia daripada kesesatan kepada cahaya keimanan. Baginda menegakkan asas tauhid, membersihkan jiwa daripada syirik, serta memperlihatkan akhlak mulia dan pedoman hidup yang benar berdasarkan wahyu Ilahi.

Akidah atau tauhid adalah sesuatu yang paling berharga kepada umat Islam. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam diutus untuk membawa manusia kepada akidah yang sebenar. Dalam Islam, iman yang berlandaskan akidah adalah menjadi asas sesuatu amalan, di mana amalan-amalan seseorang tidak akan diterima oleh Allah kecuali amalan-amalan yang dilakukan oleh orang yang beriman berlandaskan akidah.

Alhamdulillah semua masjid di NBD menyambut Maulidur Rasul dengan menganjurkan pelbagai kegiatan dan tidak lupa mengadakan acara tazkirah atau ceramah mengenai sejarah, perjalanan hidup dan perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dengan mengingati selalu sejarah hidup Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan ajaran Baginda akan dapat menjadikan kita orang yang terdidik dengan akhlak yang baik, sempurna dan tidak menyeleweng daripada garis pandu yang digariskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

## Hayati perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

Cara terbaik umat Islam dalam menghayati perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah dengan menghidupkan syariat dan syiar yang dibawa oleh Baginda semenjak 1400 tahun yang lalu. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah seorang Rasul yang telah menyelesaikan segala permasalahan umat dan telah menyempurnakan amanah Allah Subhanahu Wata'ala sewaktu hayat Baginda dengan meninggalkan dua khazanah yang amat berharga kepada kita sebagai panduan hidup iaitu Al-Quran dan Sunnah Nabi.

Maulidur Rasul ini pada dasarnya adalah sebahagian daripada aktiviti dakwah Islam. Ia bertujuan untuk mentarbiah, membimbing dan mengingatkan umat Islam agar menghargai apa yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Salah satu pengajaran tersirat yang dapat kita peroleh ialah nilai dan usaha berterusan dalam memperingati perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai pesuruh Allah dalam menegakkan ajaran Islam, juga sebagai Rasul dan Nabi terakhir. Tambahan lagi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diiktiraf sebagai tokoh teragung sepanjang zaman kerana Baginda berjaya membawa perubahan besar kepada landskap akidah, syariah dan akhlak seluruh juzuk hidup manusia. Malah hingga ke hari ini peribadi suci Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam masih dikagumi musuh-musuh Islam.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memantapkan akidah umat melalui keteladanan diri iaitu menjadi *qudwah hasanah*. Baginda bukan sahaja menyampaikan ajaran Islam melalui perkataan, bahkan menunjukkan contoh melalui akhlak, ibadah dan kehidupan seharian. Keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi bukti nyata terhadap kebenaran risalah yang dibawa sehingga para sahabat dapat melihat bagaimana iman diterjemahkan dalam kehidupan dan ini termaktub di dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala yang mafhumnya *"Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu..."*.

Maka kita perlu memberi perhatian supaya sirah perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini diteladani, diulang kaji, dirujuk dan disuburkan setiap masa, supaya kekal dalam ingatan dan jiwa manusia.

## Pupuk nilai cintakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam

Dalam menghadapi cabaran semasa, sudah pasti kefahaman umat Islam terhadap ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam perlu dikukuhkan. Antara cara yang dianjurkan untuk memupuk nilai cintakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya sentiasa menjadi *role model* dalam kehidupan kita adalah dengan menyayangi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melebihi kasih sayang yang lain dengan cara menghayati kisah-kisah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, menerapkan sifat-sifat mulia Baginda ke dalam kehidupan seharian. Memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta ahli keluarga Baginda dan menjadikan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Ikutan.

Kesimpulannya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh ikutan terbaik bagi seluruh umat manusia. Baginda telah menampilkan transformasi yang besar kepada aspek sosial masyarakat, aspek pemerintahan dan aspek keteladanan yang boleh dicontohi oleh umatnya. Sesungguhnya, kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membawa rahmat seluruh alam.

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# REPUBLIK INDONESIA KENAKAN SEKATAN TERHADAP 6 SYARIKAT SUSULAN KEBAKARAN HUTAN KALIMANTAN

**JAKARTA**, 25 Ogos. - Republik Indonesia mengenakan sekatan pentadbiran terhadap enam pemegang konsesi perhutanan selepas siasatan mendapati kebakaran telah memusnahkan lebih 1,500 hektar tanah di bawah pengurusan mereka di seluruh Kalimantan, ketika pihak berkuasa mempergiat usaha menangani kebakaran hutan dan tanah di pulau itu.

Pengarah Pengawasan, Pengenaan Sekatan Pentadbiran dan Hal Ehwal Sivil Perhutanan Kementerian Kehutanan Ardi Risman berkata tindakan itu melibatkan empat syarikat -- PT WEL, PT FI, PT MPK dan PT WSP -- yang beroperasi di Kalimantan Barat, PT NES di Kalimantan Tengah dan PT PSR di Kalimantan Timur.

"Tindakan penguatkuasaan kerajaan dikenakan terhadap syarikat berkenaan bagi memastikan mereka memenuhi kewajipan yang ditetapkan, daripada menambah baik sistem kawalan kebakaran hingga memulihkan kawasan terjejas dalam tempoh yang ditetapkan," katanya menurut Agensi Berita Antara pada Selasa.

Beliau berkata lesen perniagaan sebuah syarikat di Kalimantan Barat turut digantung kerana kebakaran di kawasan konsesinya berlaku secara meluas dan berulang, manakala kegagalan mematuhi tindakan yang ditetapkan boleh menyebabkan sekatan lebih tegas dikenakan, termasuk pembatalan lesen.

Kementerian Kehutanan dalam hantaran terbaharu di media sosial memaklumkan pemantauan satelit setakat 9 malam Isnin mengesan 341 titik panas berkeyakinan tinggi di empat wilayah Kalimantan, terdiri daripada 129 di Kalimantan Barat, 107 di Kalimantan Timur, 85 di Kalimantan Tengah dan 20 di Kalimantan Selatan.

Kementerian itu memaklumkan 641 lagi titik panas berkeyakinan sederhana direkodkan di Kalimantan Barat, Tengah dan Selatan, dengan Kalimantan Barat mencatatkan 315, Kalimantan Tengah 219 dan Kalimantan Selatan 107.

Pihak berkuasa Republik Indonesia turut membenarkan pengerahan 36 helikopter yang berdaftar di luar negara dan pengeluaran 35 permit khas kepada 11 pengendali udara domestik bagi operasi pemadaman kebakaran dari udara untuk mengawal kebakaran berkenaan.

Dalam perkembangan berasingan, agensi berita itu pada Isnin melaporkan Kementerian Alam Sekitar sedang mengambil tindakan undang-undang terhadap kira-kira 30 syarikat di seluruh negara berhubung kebakaran hutan dan tanah tahun ini, dengan tuntutan hampir Rp15 trilion (kira-kira RM3.42 bilion) bagi kerugian negara dan kos pemulihan alam sekitar. - ©BERNAMA

# 5 cedera dalam rusuhan di Pusat Migran Sintiki

**ATHENS**, 24 Ogos. - Pertempuran antara polis dan migran di sebuah pusat tahanan tertutup di utara Republik Hellenic Greece menyebabkan lima orang cedera dan 17 ditahan, menurut pihak berkuasa pada Ahad, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Penyiar awam ERTNews memetik pegawai keselamatan sebagai berkata rusuhan tercetus pada malam Sabtu di pusat tahanan yang menempatkan kira-kira 500 migran, dengan majoritinya dijadual dihantar pulang.

Sekumpulan migran dilaporkan merobohkan sebahagian pagar perimeter dalaman sebelum membaling batu dan objek lain ke arah anggota polis yang ditempatkan di lokasi.

Rusuhan itu turut menyebabkan kerosakan pada bangunan, kawasan kemudahan bersama, kamera pengawasan dan kemudahan lain.

Beberapa migran berjaya memotong sebahagian pagar dawai luar dan melarikan diri dari pusat tahanan berkenaan yang terletak berhampiran sempadan Bulgaria, menurut pihak berkuasa.

Tiga individu ditahan di lokasi, manakala 14 lagi ditemukan di kawasan sekitar tidak lama kemudian dan ditangkap.

Lima orang yang cedera dalam pertempuran itu dibawa ke hospital untuk pemeriksaan, manakala kesemua 17 individu yang ditahan akan dirujuk kepada pendakwa raya.

Polis turut menyiasat sama ada terdapat penghuni lain yang berjaya meninggalkan pusat tahanan ketika rusuhan berlaku. - ©BERNAMA

# 6 cedera kebakaran hutan berhampiran sempadan Nevada-California

**LOS ANGELES**, 24 Ogos. - Sekurang-kurangnya enam orang cedera manakala 42,000 lagi diarahkan berpindah susulan kebakaran hutan yang merebak pantas ke arah Reno, sebuah bandar di barat laut Nevada berhampiran sempadan Nevada - California, menurut pihak berkuasa pada Ahad, lapor Xinhua.

Kebakaran yang bermula pada Sabtu setakat ini merebak meliputi lebih 13,000 ekar (kira-kira 53 kilometer persegi) dan masih belum dapat dikawal, kata pegawai bomba pada sidang media Ahad.

Menurut pegawai, mangsa yang cedera terdiri daripada tiga orang awam dan tiga anggota pasukan tindak balas kecemasan, manakala 45,000 lagi berada dalam zon amaran pemindahan.

Mereka turut mengesahkan beberapa struktur musnah dalam kebakaran itu. Kira-kira 10,000 pengguna terputus bekalan elektrik di Washoe County pada Ahad.

Reno ialah pusat pentadbiran daerah itu serta bandar paling ramai penduduk di Washoe County. Gabenor Nevada Joe Lombardo mengisytiharkan darurat di Washoe County pada malam Sabtu.

"Keadaan ini masih aktif dan berubah dengan pantas, dan saya menggesa semua penduduk di kawasan terjejas supaya terus berwaspada serta mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan.

"Kerajaan negeri terlibat sepenuhnya dan kami bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan serta anggota tindak balas kecemasan untuk menggerakkan segala sumber yang ada bagi melindungi nyawa, menjaga keselamatan komuniti dan memastikan penduduk Nevada terhindar daripada Bahaya," kata Lombardo dalam satu kenyataan. - ©BERNAMA

# Kanada tolak perjanjian perdagangan AS

**ISTANBUL**, 24 Ogos. - Kanada menolak cadangan perjanjian perdagangan dengan Amerika Syarikat (AS) susulan beberapa tuntutan pada saat akhir daripada Washington yang disifatkan pegawai sebagai berat sebelah, lapor Anadolu Ajansi memetik akhbar Kanada The Globe and Mail.

"Perubahan pada saat akhir terhadap syarat yang dicadangkan AS adalah tidak adil, tidak menguntungkan dan menimbulkan persoalan mengenai kebolehpercayaan sebarang perjanjian," kata Perdana Menteri Kanada Mark Carney selepas beliau menggantung rundingan perdagangan dengan Washington.

Beliau menegaskan bahawa rangka kerja yang dicadangkan itu gagal melindungi kepentingan negara, sekali gus mendorong Kanada berikrar mengenakan tarif balas dengan nilai yang sama mulai 8 September.

The Globe and Mail yang memetik sumber tidak dinamakan melaporkan wujud perbezaan ketara mengenai halangan perdagangan mengikut sektor, dengan AS mahu mengenakan kuota empat juta tan ke atas eksport keluli Kanada berserta tarif 25 peratus, yang akan digandakan bagi jumlah melebihi kuota.

Dalam sektor automotif, perunding AS dilaporkan mahu hanya kandungan buatan Amerika dikecualikan daripada duti, selain menuntut Kanada menarik balik semua tindakan balas terhadap keluli dan kenderaan AS.

AS turut mendesak kerajaan wilayah di Kanada supaya menghentikan larangan balas terhadap produk alkohol Amerika.

Perunding AS juga tidak mahu sektor perhutanan dimasukkan dalam perjanjian itu, walaupun Kanada bertegas sektor berkenaan perlu menjadi sebahagian daripada perjanjian.

Washington turut menyasarkan dasar domestik Kanada dengan menuntut rombakan terhadap sistem pelesenan pengurusan bekalan tenusu serta penghentian amalan perolehan "Buy Canadian" oleh kerajaan wilayah.

Di Quebec, Premier Christine Frechette berkata pegawai AS turut mendesak konsesi berkaitan undang-undang kebudayaan bahasa Perancis dan manual arahan peralatan.

Perjanjian yang gagal dimuktamadkan itu turut cuba menggabungkan isu perdagangan dengan keselamatan negara, termasuk pembelian jet pejuang F-35 oleh Kanada dan sistem pertahanan peluru berpandu "Golden Dome". Perunding AS juga mahu peraturan lebih ketat terhadap eksport minyak serta penyelarasan dalam sektor mineral kritikal.

Wakil Perdagangan AS Jamieson Greer menuduh Ottawa mengubah keseimbangan rundingan menerusi tindakan menarik balik pendirian yang telah dibuat sebelum ini. Sebelum ini, Carney menuduh AS menggunakan tarif baharu untuk "memudaratkan dan memecahbelahkan" Kanada, sambil menyifatkan langkah itu sebagai "perkiraan salah".

Presiden AS Donald Trump pada Ahad menerusi platform media sosial Truth Social berkata Kanada "mahukan manfaat seperti sebuah negeri, tanpa menjadi sebuah negeri". - ©BERNAMA

# 30 maut tanah runtuh di tapak pelupusan sampah Guinea

**CONAKRY**, 24 Ogos. - Sekurang-kurangnya 30 orang maut dalam kejadian tanah runtuh di sebuah tapak pelupusan sampah di Guinea, Afrika Barat, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Hujan lebat pada awal pagi Ahad menyebabkan timbunan sampah runtuh dan menimbus beberapa rumah di pinggir Conakry.

Menurut pihak berkuasa, sekurang-kurangnya 22 lagi cedera, termasuk enam orang parah.

Operasi mencari dan menyelamat masih diteruskan.

Perdana Menteri Amadou Oury Bah melawat lokasi kejadian dan menyampaikan ucapan takziah kepada mereka yang terjejas bagi pihak kerajaan.

Menurut laporan media tempatan, sejak beberapa minggu lalu kerajaan merancang untuk mengukuhkan aspek keselamatan dan membersihkan tapak pelupusan sampah di daerah Dar-es-salam, iaitu antara kawasan termiskin di Conakry.

Kejadian tanah runtuh pernah berlaku di kawasan sama pada 2017 dan meragut sembilan nyawa.

Negara Afrika Barat dengan kira-kira 15 juta penduduk itu merupakan antara pengeksport utama bauksit dunia, iaitu bahan mentah utama dalam penghasilan aluminium.

Bagaimanapun, ramai penduduk masih berdepan kekurangan akses kepada penjagaan kesihatan, pendidikan, bekalan elektrik dan air minuman bersih. - ©BERNAMA

# Cuaca panas terik dijangka landa sebahagian besar Jepun - Agensi Cuaca

**TOKYO**, 24 Ogos. - Cuaca panas terik dijangka melanda sebahagian besar kawasan barat dan timur Jepun pada Isnin, dengan orang ramai dinasihatkan supaya lebih berwaspada terhadap strok haba, lapor Xinhua.

Menurut Agensi Meteorologi Jepun (JMA), cuaca panas dijangka melanda sebahagian besar negara itu, dengan amaran strok haba dikeluarkan di 31 wilayah dari Tokyo dan Chiba di rantau Kanto hingga Okinawa di barat daya Jepun.

JMA meramalkan suhu maksimum pada siang hari mencecah 39 darjah celsius di bandar Hita, Wilayah Oita, manakala 38 darjah celsius dijangka direkodkan di beberapa bandar termasuk Saga, Yamaguchi dan Nara.

Suhu turut dijangka meningkat di beberapa kawasan di Wilayah Kumamoto, dengan suhu maksimum pada siang hari diramal mencecah 38 darjah celsius di bandar Kumamoto, 37 darjah celsius di Amakusa dan 36 darjah celsius di Hitoyoshi. - ©BERNAMA

# SUKAN RIADAH PUPUK PERPADUAN DALAM KALANGAN WARGA MUKIM

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Mukim Kota Batu**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Ogos. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Kota Batu telah menganjurkan Fun Bowling sebagai Sukan Riadah bagi ahli-ahli jawatankuasa MPM dan Majlis Perundingan Kampung, takmir masjid, para belia dan ahli keluarga berlangsung di Golden Bowling, Airport Mall, baru-baru ini.

Sukan Riadah berkenaan diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di samping memupuk perpaduan dalam kalangan warga mukim, selain itu juga sebagai wadah menyokong usaha pihak kerajaan dalam memeriahkan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan bagi Tahun 2026.

Sebanyak 10 pasukan menyertai yang terdiri daripada ketua-ketua kampung, ahli MPK dan keluarga masing-masing. Pasukan Bujang Pahang wakil dari Kampung Menunggol dinobatkan sebagai juara berdasarkan mata terbanyak dikumpul.

Hadir bagi menyampaikan hadiah pada acara sukan berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Lamat, Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh dan Ketua Kampung Subok.

Turut hadir, Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing dan Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram dan ketua-ketua kampung di Mukim Kota Batu.



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir dan seterusnya bergambar ramai pada Fun Bowling yang diadakan di Golden Bowling, Airport Mall.

# ISC terlepas peluang mara ke perlawanan akhir




PARA pemain dari pasukan Indera SC semasa sesi bergambar ramai pada Kejohanan BATAM Prime International Football Series 2026 yang diadakan di Stadium Gelora Citra Mas, Batam, Kepulauan Riau, Republik Indonesia.

**Berita dan Foto : Ihsan Indera SC**

**REPUBLIK INDONESIA**, Selasa, 25 Ogos. - Indera SC (ISC) berjaya memberikan saingan menarik sepanjang dua perlawanan pada Kejohanan BATAM Prime International Football Series 2026 yang berlangsung di Stadium Gelora Citra Mas, Batam, Kepulauan Riau, Republik Indonesia, baru-baru ini.

ISC memulakan cabaran dengan berkongsi mata selepas seri 1 - 1 menentang Batam Premier FC, namun terkandas untuk mara ke perlawanan akhir selepas tewas menerusi penentuan sepakan penalti. Jaringan tunggal ISC dijaringkan oleh Awang Muhd. Akram Waqeel Muhd. Bakri.

Sementara itu, dalam perlawanan penentuan tempat ketiga, ISC terpaksa berpuas hati dengan keputusan tanpa jaringan selepas 90 minit permainan apabila mendapat tentangan sengit daripada Geylang United International FC (GIFC).

Namun, tempat ketiga menjadi milik pasukan dari Republik Singapura selepas GIFC memenangi penentuan sepakan penalti 5 - 3.

"Menerusi kejohanan ini, ia menjadi peluang terbaik bagi pihak pengurusan kelab untuk menilai sejauh mana prestasi pasukan sebelum membuka tirai Liga Super Brunei musim 2026-2027," jelas Pengurus Pasukan, Pengiran Abd. Azim bin Pengiran Haji Othman.

Sekalipun memuji prestasi pemain-pemain, beliau mengakui pasukan masih memerlukan beberapa pembaikan, terutama dari segi keberkesanan serangan, di samping meningkatkan keserasian dalam kalangan pemain.

"Kita telah mengenal pasti beberapa aspek yang perlu diberikan perhatian untuk memantapkan lagi pasukan ISC. Namun, saya juga yakin setiap pemain akan terus berusaha meningkatkan reputasi, tahap kecergasan, di samping keberkesanan corak permainan masing-masing," ujarnya.

Kejohanan BATAM Prime International Football Series 2026 dijuarai oleh Batam Premier FC.

## Haji Abdul Azim raih naib juara kategori RX Borneo Pangazou 2026

**Berita dan Foto : Ihsan Awang Haji Abdul Azim Haji Nadzri**

**KOTA KINABALU, SABAH**, Selasa, 25 Ogos. - Atlet Negara Brunei Darussalam dan jurulatih di Hybrid Movement, Awang Haji Abdul Azim bin Haji Nadzri, mencatatkan pencapaian membanggakan apabila meraih tempat kedua dalam kategori RX pada pertandingan Borneo Pangazou 2026 yang berlangsung dari 21 hingga 23 Ogos 2026 di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

Borneo Pangazou 2026 merupakan pertandingan kecergasan yang menampilkan cabaran CrossFit merangkumi beberapa aspek utama, termasuk gimnastik, kekuatan serta kecergasan dan daya tahan fizikal.

Edisi tahun ini turut mencatatkan sejarah tersendiri apabila Borneo Pangazou buat pertama kalinya dianjurkan sebagai pertandingan CrossFit berlesen, sekali gus menjadi antara platform pertandingan kecergasan yang diketengahkan di Kota Kinabalu, Sabah.

Pertandingan berkenaan menawarkan lima kategori utama, iaitu RX, Scaled, Teen, Team Masters dan Team Open, yang menghimpunkan peserta daripada pelbagai latar belakang dan tahap pengalaman dalam sukan CrossFit.

Awang Haji Abdul Azim yang bertanding dalam kategori RX, iaitu kategori kompetitif yang menampilkan cabaran pada tahap lebih tinggi, berjaya memberikan persembahan konsisten sepanjang pertandingan sebelum menamatkan saingan di kedudukan naib juara.

Pencapaian tersebut bukan sahaja mencerminkan keupayaan beliau dalam aspek kekuatan dan kecergasan, malah membuktikan ketahanan fizikal, kemahiran gimnastik serta keupayaan menyesuaikan diri dengan pelbagai cabaran sepanjang pertandingan.

Kejayaan meraih tempat kedua dalam edisi sulung Borneo Pangazou sebagai pertandingan CrossFit berlesen itu merupakan satu pencapaian membanggakan dan diharapkan dapat menjadi pembakar semangat bagi beliau untuk terus melangkah lebih jauh dalam arena CrossFit pada masa akan datang.




AWANG Haji Abdul Azim bin Haji Nadzri berjaya meraih tempat kedua dalam kategori RX pada pertandingan Borneo Pangazou 2026 yang berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah.

Pelita Brunei



ePaper Pelita Brunei

# TEMASYA SUKMA XXII SELANGOR 2026 LABUH TIRAI




KONTINJEN Negara Brunei Darussalam mencatatkan pencapaian yang baik pada temasya SUKMA XXII Selangor 2026, berjaya meraih sebanyak 10 pingat, empat pingat perak daripada acara sukan akuatik (renang) dan wushu, manakala enam pingat gangsa daripada acara sukan pencak silat dan taekwondo.

**Oleh : Srinarawie Bidzah**
**Foto : Ihsan Urus Setia kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Malaysia XXII 2026**

**SELANGOR, MALAYSIA**, Selasa, 25 Ogos. - Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026 melabuhkan tirainya secara rasmi malam tadi dalam sebuah Majlis Penutupan yang berlangsung penuh meriah dan bersejarah di Aneka Walk, Seksyen 14 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Majlis Penutupan Rasmi SUKMA XXII Selangor 2026 dihadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, menjadi simbolik berakhirnya temasya sukan terbesar peringkat negeri dan kebangsaan yang menghimpunkan atlet-atlet terbaik dari seluruh Malaysia serta kontinjen jemputan dalam semangat persaingan sihat, kesukanan dan perpaduan.

Sepanjang berlangsungnya temasya dari 15 hingga 24 Ogos 2026, sebanyak 469 acara daripada 37 jenis sukan telah dipertandingkan di pelbagai tempat di seluruh negeri Selangor, dengan penyertaan 15 kontinjen termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai kontinjen jemputan.

SUKMA XXII Selangor 2026 bukan sahaja menyaksikan persaingan sengit dalam kalangan atlet, malah turut menjadi platform untuk mencungkil bakat-bakat baharu serta melahirkan barisan juara yang bakal mewarnai arena sukan negara pada masa akan datang.

Penyertaan NBD dalam 11 acara sukan, iaitu akuatik (renang), badminton, olahraga, catur, golf, lawan pedang, karate, pencak silat, sepak takraw, taekwondo dan wushu turut mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh hubungan serta kerjasama sukan antara kedua-dua buah negara.

Kontinjen NBD mencatatkan pencapaian yang baik pada temasya SUKMA XXII Selangor 2026 berkenaan dengan berjaya meraih 10 pingat secara keseluruhan, iaitu sebanyak empat pingat perak daripada sukan akuatik (renang) dan wushu, manakala enam pingat gangsa daripada sukan pencak silat dan taekwondo.

Majlis penutupan turut menjadi detik penghargaan kepada seluruh atlet, jurulatih, pegawai, pengadil, urus setia, sukarelawan serta semua pihak yang telah memberikan komitmen dan sokongan sepanjang penganjuran SUKMA XXII Selangor 2026.

NBD merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor serta semua pihak yang terlibat atas penganjuran SUKMA XXII Selangor 2026 yang berlangsung dengan penuh semangat kesukanan dan persahabatan.

# NBD raih 4 perak, 6 gangsa pada SUKMA XXII Selangor 2026




PENGARAH Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim hadir di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang dan memberikan ucapan tahniah atas pencapaian para atlet kontinjen NBD pada Temasya Sukan Malaysia XXII Selangor 2026.

**BERAKAS**, Selasa, 25 Ogos. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada pasukan - pasukan akuatik (renang), karate, lawan pedang, sepak takraw, wushu dan pegawai urus setia telah selamat kembali ke NBD selepas berada di Selangor, Malaysia bagi mengikuti Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026.

Berada di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, serta pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan.

Atlet akuatik renang negara, Joel Ling Thai Yu telah berjaya memenangi dua pingat perak dan satu pingat gangsa bagi acara 50 meter (m) Gaya Kuak Lentang Lelaki, 100m Gaya Kuak Lentang Lelaki dan 200m Gaya Kuak Lentang Lelaki.

Manakala Sharmeen Mohammad Mharvin berjaya meraih satu pingat gangsa melalui acara 50m Gaya Kuak Lentang Wanita.

Sementara pasukan wushu negara berjaya menyumbang dua pingat perak melalui Walid Lachkar dalam acara Daoshu dan Gunshu Lelaki Individu; manakala Abel Lim Wee Yuen bagi acara Nanquan Lelaki Individu.

Kutipan pingat keseluruhan bagi NBD dalam temasya SUKMA XXII Selangor 2026 ialah empat pingat perak dan enam pingat gangsa.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Belia dan Sukan**